

Jilid II
Bil. 14



Hari Selasa
31hb Julai, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1777]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)
(Pindaan) [Ruangan 1832]

Rang Undang-undang Dius Api Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 1868]

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan [Ruangan 1884]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri DR. MOHAMAD
YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM
SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P., (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN
(Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI
HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)

- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAW KET (Sabah)
- ” DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa, 31hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI PER-
TANYAAN-PERTANYAAN

PERJANJIAN SEMPADAN
MALAYSIA/INDONESIA

1. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom bertanya kepada Menteri Dalam Negeri memandangkan Perjanjian Medan antara Malaysia dengan Indonesia baru-baru ini membolehkan penggunaan pas sempadan sahaja untuk menyeberangi sempadan Malaysia/Indonesia sama ada Kerajaan sedar golongan anti nasional dan penyeludup akan mengambil kesempatan mengancam keselamatan sosial di kawasan-kawasan sempadan berkenaan; jika sedar, sama ada Kerajaan sudah bersiap sedia untuk mengawal keadaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perjanjian Lintas Sempadan di antara Malaysia dan Republik Rakyat Indonesia, rakyat di sempadan bersama di kedua-dua buah negara boleh melintasi kawasan sempadan masing-masing dengan hanya menggunakan pas sempadan. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan yang mulia ini satu pas sempadan akan hanya dikeluarkan kepada seseorang setelah dipastikan bahawa pemegang itu benar-benar layak dan tidak merupakan mereka

yang boleh memberi ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Di samping itu pihak berkuasa kedua-dua buah negara mempunyai hak untuk menolak kemasukan mana-mana pemegang pas sempadan yang difikirkan boleh merupakan ancaman kepada keselamatan atau kedaulatan negara masing-masing.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, cara mana kriteria yang sesebuah negara itu mengeluarkan pas sempadan kepada seseorang yang ingin melintasi sempadan itu tadi? Misalnya rakyat daripada Indonesia, siapa yang boleh tahu kedudukan seseorang itu orang yang benar-benar layak mendapatkan pas sempadan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, sempadan yang mana yang dimaksudkan dalam lintasan ini? Adakah sempadan yang menyeberangi laut antara Sumatra dengan Johor ataupun antara Kalimantan Borneo ke Sarawak? Misalnya Pontianak dan Sarawak mempunyai highway. Adakah ini juga terlibat?

Yang ketiga, jika sekiranya lintasan pas sempadan ini antara Malaysia dengan Indonesia, adakah kemungkinan misalnya jiran kita seperti Thailand juga mahu meminta had lintasan sempadan yang serupa dan kemudian Filipina juga meminta pas sempadan yang serupa kepada Sabah iaitu Malaysia. Tidakkah ini satu bebanan kepada Malaysia yang sentiasa dicurah oleh jiran-jiran memasuki negara ini hanya dengan menggunakan pas sempadan sahaja dan adakah kemungkinan polis atau pegawai keselamatan di negara ini

dapat mengawal jika ini benar-benar berlaku.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat yang terutama sekali dikenakan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara iaitu tiap-tiap pemohon mestilah menjadi warganegara negara-negara tersebut dan ia mesti bermastautin di kawasan-kawasan atau di daerah-daerah yang telahpun ditentukan mengikut surat perjanjian yang telah ditandatangani. Umpamanya, di negeri Sabah, daerah-daerah tersebut ialah daerah Sipintang, daerah Pengsiangan dan daerah Tawau dan Tenu. Di Semenanjung Malaysia pula bagi Negeri Selangor umpamanya daerah berkenaan ialah Kuala Langat, daerah Kelang, daerah Petaling Jaya termasuk Kuala Lumpur dan daerah Sabak Bernam.

Mereka yang mendapat pas sempadan ini boleh menyeberangi sempadan untuk melawat ke kawasan atau daerah yang berhampiran, bermakna jika seorang yang bermastautin di Daerah Kelang diberi pas sempadan daripada Pelabuhan Kelang maka bolehlah pemegang pas berkenaan melawat ke daerah-daerah seberang di Indonesia yang telahpun ditetapkan sebagai daerah-daerah berdekatan dengan daerah Kelang. Mereka tidak dibenarkan melancong hingga ke Jakarta dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, memanglah terdapat perjanjian yang serupa ini di antara Malaysia dengan Thailand di mana rakyat-rakyat di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan umpamanya; iaitu negeri-negeri yang bersempadan dengan negeri Thailand, boleh memasuki atau melawat ke daerah-daerah di sempadan negeri Thailand yang berhampiran dengan negeri-negeri mereka.

Memanglah menjadi harapan Kerajaan agar, melalui perjanjian ini bahawa Kerajaan negara Malaysia dan

Indonesia boleh menyumbangkan sesuatu yang membawa makna yang lebih lagi untuk melonggarkan sekatan-sekatan yang terdapat dalam segi perjalanan ke negara-negara ASEAN terutama sekali. Ini seterusnya akan menggalakkan lagi perjalanan dan perlancongan di antara negara-negara ASEAN serta akan meningkatkan lagi kesedaran dan persefahaman di kalangan penduduk-penduduk di negara ASEAN.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa ada di antara buruh kasar yang masuk ke Sabah adalah bekas ahli PKI dan apakah tindakan Kerajaan kepada mereka terutamanya yang masih menghayati fahaman komunis.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, saya minta kerjasama dari Yang Berhormat untuk memberi maklumat kepada Kerajaan untuk mengesan mereka yang masuk secara sedemikian rupa.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berlaku suatu kegemparan di mana pihak keselamatan negeri Melaka tidak dapat menangkap kira-kira 20 orang rakyat Bangladesh yang bekerja dengan sebuah syarikat pembangunan perumahan swasta di Melaka.

Saya hendak tahu dari Kementerian Dalam Negeri sama ada mereka ini melalui saluran mana, sama ada perhubungan antara Malaysia dengan Bangladesh berhubung dengan penggunaan pekerja-pekerja buruh ini ataupun mereka ini melalui saluran-saluran yang diseludup oleh pihak lain atau melalui jalan-jalan haram.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak berkait dengan soalan asal.

LANGKAH JIMAT CERMAT KERAJAAN

2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri

menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan langkah berjimat cermat pada masa akan datang dengan berbelanja sederhana pada tiap-tiap kali menyambut perayaan Negara termasuk upacara Pembukaan Parlimen seperti-mana yang dibuat dengan bijaksananya pada masa menyambut hari ulang tahun Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini dirayakan dengan sederhana dan mementingkan pula ajaran Ugama Islam; jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meneruskan langkah berjimat cermat di dalam menyambut perayaan-perayaan negara mengikut peringkat sesuatu upacara atau istiadat perayaan dan juga mengikut kemampuan kewangan semasa serta bersesuaian dengan penerapan nilai-nilai Islam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar.

Dato' S. Govinda Raj: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

FELCRA REDANG PONGGOR— BAYARAN BULANAN KEPADA PESERTA

3. Dato' S. Govinda Raj (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan penghasilan dan harga kelapa sawit adalah agak stabil sama ada beliau akan menimbangkan rayuan peserta-peserta FELCRA Redang Ponggor dalam Daerah Hilir Perak yang mahukan bayaran \$15.00 sebulan seekar dinaikkan ke satu kadar yang menasabah; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang

di-Pertua, pembayaran sebanyak \$15.00 seekar sebulan pada tiap-tiap peserta tidak kira sama ada peserta-peserta yang bekerja atau tidak, dibuat sejak tahun 1983 lagi, adalah merupakan satu pembayaran "Pendahuluan Tunai" sebelum perkiraan untung/rugi dibuat pada tiap-tiap penghujung tahun. Jika sekiranya rancangan itu memperolehi keuntungan setelah diambilkira segala perbelanjaan penyelenggaraan dan potongan-potongan yang wajib serta ansuran pembayaran dibuat, kelebihan itu akan diberi balik kepada semua peserta-peserta sebagai Dividen (keuntungan sebenar). Pembayaran Dividen dibuat dalam 2 kali bayaran iaitu pada musim perayaan Hari Raya dan di hujung tahun bagi kegunaan persekolahan anak-anak mereka. Pada musim Hari Raya yang lepas (tahun 1984), sebahagian daripada Dividen (keuntungan tahun 1983) telah dikeluarkan iaitu \$200.00 seekar dan rata-rata setiap peserta memperolehi \$1,400.00 - \$1,600.00 bagi peserta yang mempunyai pegangan di antara 7 hingga 8 ekar.

Jika para peserta berkehendakkan pendapatan yang lebih, mereka hendaklah bekerja di rancangan. Pada kebiasaannya bagi peserta yang bekerja di rancangan mereka memperolehi satu pendapatan yang menasabah iaitu di antara \$300.00 hingga \$450.00 sebulan, tidak termasuk bayaran "Pendahuluan Tunai" \$15.00 seekar sebulan dan bayaran Dividen yang dibayar 2 kali setahun itu.

Bayaran \$15.00 seekar sebulan, untuk dinaikkan kepada satu kadar yang lebih tinggi tidak dapat dilaksanakan, sebagaimana yang dituntut, oleh kerana pendapatan peserta yang ada sekarang adalah berpatutan. Jika kadar bayaran yang ada sekarang ini dinaikkan ianya tidak memberi apa-apa kebaikan yang positif, kerana kenaikannya hanya minima, dan habis dibelanjakan begitu sahaja. Selain daripada itu ianya boleh menjejaskan keuntungan yang sebenar jika berlakunya kejatuhan harga yang tidak diduga. Pemberian yang diamal-

kan seperti ini telah diterima dengan baik bagi rancangan-rancangan yang lain dan oleh hampir keseluruhan peserta-peserta Redang Ponggor.

Di samping itu rayuan yang dibuat adalah dari segelintir peserta-peserta yang tidak menyumbangkan tenaga di rancangan, tetapi semata-mata mengharapkan bayaran "Pendahuluan Tunai" dan "Dividen" tahunan sahaja. Implikasinya, jika rayuan ini diterima, sebarang kejatuhan harga yang tidak diduga boleh menjejaskan pencapaian keuntungan sebenar dan pembayaran pendahuluan tunai yang ditetapkan itu pula sukar diturunkan kembali jika berlaku kekurangan. Pembayaran pendahuluan tunai sebanyak \$15.00 seekor sebulan adalah satu pembayaran yang selamat dari segi "projection" untuk menentukan pencapaian keuntungan dan dividen boleh dibuat pada tiap-tiap tahun untuk memberi kesenangan kepada para peserta pada masa-masa yang diperlukan.

HUBUNGAN PERTAHANAN CHINA/AMERIKA/JEPUN- PENDIRIAN MALAYSIA

4. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) respon ASEAN, terutama sekali Malaysia terhadap hubungan erat dalam bidang pertahanan di antara negeri China dengan Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini; dan
- (b) bagaimana hubungan erat ini mengancam keselamatan, keamanan dan stabiliti negara-negara ASEAN di rantau ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

(a) sungguhpun memang terdapat berbagai-bagai persefahaman di antara negara-negara ASEAN mengenai berbagai isu antarabangsa tetapi dalam hubungan ini biarlah saya hanya menjawab mengenai pendirian Malaysia sahaja.

Pada keseluruhannya Kerajaan kita memang menyambut baik sebarang usaha untuk merapatkan hubungan di antara sebuah negara dengan negara yang lain khususnya di antara negara-negara besar. Dengan peningkatan hubungan baik dan persefahaman di antara kuasa-kuasa besar maka sudah tentulah ianya akan dapat memberi sumbangan terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia pada amnya.

Oleh yang demikian, usaha untuk merapatkan hubungan di antara Amerika Syarikat dengan negeri China adalah dilihat dalam konteks ini oleh Kerajaan Malaysia.

Sebagaimana yang kita sedia maklum pihak Kerajaan Republik Rakyat China sekarang ini sudahpun menjadikan usaha peningkatan pembangunan sosio-ekonomi sebagai suatu dasar pokok rakyat dan negaranya. Oleh itu, Kerajaan kita memang mengalu-alukan sebarang kerjasama dengan negeri China dalam hubungan tersebut malah Kerajaan kita sendiri sedang memikirkan cara seelok-eloknya untuk peniaga-peniaga kita juga mengambil kesempatan pembangunan negeri China ini;

(b) mengenai rancangan-rancangan kerjasama pertahanan serta ketenteraan yang disebutkan oleh setengah-setengah pihak sekarang ini adalah satu perkara yang lain pula. Setahu kita tidak terdapat sebarang rancangan kerjasama tiga segi antara Amerika Syarikat, China dan Jepun. Jika ada pun adalah perbincangan-perbincangan awal mengenai kerjasama ketenteraan di antara Amerika Syarikat dengan negeri China. Namun demikian, Malaysia memang rasa bimbang mengenai sebarang kerjasama ketenteraan antara Amerika Syarikat dengan negeri China khususnya dari segi kesan jangka panjang. Sikap ini adalah berasaskan pendirian negeri China yang terus menerus memberi sokongan dan pengiktirafan kepada apa yang disebut sebagai Parti Komunis Malaya. Selagi Kerajaan negeri China berpendirian sebegitu maka selagi itulah kita harus mengang-

gap negeri China itu sebagai ancaman kepada negara kita. Oleh yang demikian, Kerajaan kita telah pun beberapa kali mengingatkan pihak Amerika Syarikat mengenai pendirian dan pendapat kita mengenai soal ini dan supaya pihak Amerika Syarikat mengambil kira kepentingan keselamatan negara-negara di rantau ini dalam usahanya memupuk hubungan ketenteraannya dengan negeri China. Kadangkala kita rasa bimbang dengan sikap Amerika Syarikat yang begitu ghairah memerangi pengaruh Soviet Union sehingga cuai dengan langkah-langkah yang diambil oleh mereka yang mana ianya mungkin akan menjejaskan keselamatan rantau ini sama ada dari segi jangka panjang ataupun jangka pendek. Dalam ertikata yang lain, kita berharap Amerika Syarikat supaya ianya tidak menyerahkan kepada negeri China tanggungjawab untuk mengawal keselamatan rantau ini.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, adakah selama ini Amerika Syarikat atau Jepun mengadakan dialog dengan Malaysia khususnya negara-negara ASEAN yang Amerika atau Jepun pernah membayangkan untuk memberikan sebarang bantuan jika salah satu dari negara-negara ASEAN ini terancam oleh negara Vietnam ataupun negeri China; adakah pernah soal ini dibayangkan oleh kepada negara ASEAN.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagai perbincangan yang khusus sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang tidak adalah. Tetapi kita sedia membincangkan soal-soal am, dasar-dasar pokok hubungan di antara negara dengan negara yang lain iaitu soal-soal untuk menguatkan prinsip-prinsip antarabangsa dan sebagainya. Kerana di dalam usaha untuk menguatkan penerimaan dan pengamalan prinsip-prinsip antarabangsa itu dengan sendirinya dan dengan cara tidak langsung kita dapat menguatkan keselamatan kita.

SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN (SECURITY SERVICE)

5. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ada diantara syarikat-syarikat yang menjalankan kawalan keselamatan (Security Service) tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan; jika sedar tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kawalan rapi terhadap perjalanan syarikat-syarikat yang tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ada syarikat kawalan keselamatan yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. Beberapa tindakan telah dan sedang diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu. Tindakan untuk menggantung atau tidak membaharui lesen syarikat-syarikat yang melanggar syarat-syarat lesen telah diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini sahaja Kementerian Dalam Negeri telah tidak membaharui lesen tujuh buah syarikat yang didapati lemah dan tidak dapat memberi perkhidmatan dengan baik. Lain-lain tindakan seperti memberi amaran, membuat lawatan mengejut dijalankan untuk memastikan pemegang-pemegang lesen menjalankan operasi mereka dengan sempurna.

Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji Kaedah-kaedah Agensi Persendirian 1970 dan syarat-syarat lesen supaya tahap perjalanan syarikat-syarikat kawalan dan profesion kawalan ini dapat dipertingkatkan. Jika didapati perlu, Akta Agensi Persendirian juga akan dipinda.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tentang syarikat-syarikat yang menjalankan kawalan ini.

Sekarang ini cukup banyak sebagaimana Yang Berhormat menyatakan tadi, yang kami lihat khasnya di Kuala Lumpur ini banyak sangat syarikat kawalan keselamatan ini wujud tetapi yang menjaga itu boleh dikatakan kebanyakannya masih kanak-kanak lagi, muda-muda sangat lagi. Jadi, bagaimana untuk menjaga keselamatan?

Oleh itu, tidaklah ada undang-undang supaya diadakan had umur kepada syarikat ini iaitu umur yang 21 tahun keatas ataupun umur yang tidak melebihi 60 tahun ke atas – ini yang tua, yang mata tak nampak pun diambil bagaimana hendak menjaga keselamatan. Oleh itu, saya rasa dalam soal ini dapat ditimbang dan pandangan daripada Kementerian bagi mengelakkan perkara ini tidak berlaku.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi memanglah Kementerian sedang mengkaji Kaedah-kaedah Agensi Persendirian 1970 dan jika perlu Akta ini sendiri akan dipinda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sekarang ini tidak terdapat peraturan-peraturan yang menghadkan umur seseorang itu untuk menjadi seorang Pegawai Agensi Perkhidmatan Kawalan. Tetapi ada syarat-syarat lain seperti yang kita perlukan iaitu 1/5 daripada kakitangannya terdiri daripada anggota-anggota bekas tentera dan seterusnya. Jika perlu perkara ini akan diperketatkan lagi.

DASAR PENSWASTAAN NEGARA – KEMAJUAN

6. Dato' S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam Dasar Pengswastaaan Negara dan sama ada beliau berpuas hati dengan fungsi dan kemajuan pihak-pihak swasta berkenaan; dan
- (b) bilangan dan senarai nama-nama Jabatan Kerajaan yang telah diswastakan sehingga kini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kerja-kerja persediaan kearah melaksanakan Dasar Penswastaaan adalah menggalakkan bukan sahaja dari segi kemajuan langkah-langkah yang sedang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan tetapi juga dari segi corak sambutan dari kalangan pihak swasta itu sendiri.

Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk menswastakan beberapa perkhidmatan tertentu sebagai tindakan positif ke arah matlamat penswastaaan. Ini termasuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti rancangan TV3, Telekom, Membaikpulih Kapal terbang TUDM, pengurusan jalanlintas Selat Kelang Utara dan beberapa perkhidmatan bandar seperti pengurusan tempat letak kereta. Beberapa perkhidmatan lain khasnya termasuk perkhidmatan terminal kontena di Pelabuhan Kelang, perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), beberapa komponen perkhidmatan pengangkutan jalan serta perkhidmatan keretapi juga sedang dikaji dan dipertimbang oleh Kerajaan untuk diswastakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

GRADUAN IJAZAH SARJANA PERTAMA JURUSAN PENDIDIKAN

7. Tuan Loo Swee Mok (*dibawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan graduan lulusan universiti-universiti tempatan yang telah memperolehi Sarjana Pertama dalam jurusan pelajaran daripada tahun 1980 hingga 1983 dan bilangan graduan tersebut yang telah diserap ke dalam perkhidmatan pelajaran negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bilangan graduan lulusan universiti-universiti tempatan yang telah memperolehi Ijazah Pertama

dalam jurusan Pendidikan dari tahun 1980 hingga 1983 ialah seramai 1,559 orang.

SEMPADAN MALAYSIA/THAI – KAWALAN KESELAMATAN

8. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan jangka panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan di kawasan sempadan Malaysia/Thai bagi menjamin keselamatan rakyat kita di sekitar kawasan tersebut serta apakah tindakan segera Kerajaan terhadap peristiwa rusuhan di Bukit Kayu Hitam, dan kes samun pelancong Malaysia yang menaiki bas ke Haadyai baru-baru ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah keselamatan sedang diambil oleh pihak Kerajaan ialah

1. pasukan keselamatan dan pihak Imigeresen sedang mengetatkan kawalan keselamatan dan sistem kawalan keluar masuk di sempadan Malaysia/Thailand.
2. kakitangan-kakitangan Kerajaan perlu mendapatkan surat Ketua Jabatan bagi menyeberang sempadan, ini termasuklah kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah mempunyai paspot antarabangsa ataupun pas sempadan.
3. pihak Polis Daerah Sadao dan Jitra sedang berusaha meningkatkan lagi kerjasama bagi mengawal keselamatan di kawasan sempadan dan pintu keluar masuk Malaysia/Thailand.

Kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap peristiwa-peristiwa rusuhan di Bukit Kayu Hitam dan kes samun pelancong Malaysia yang menaiki bas ke Haadyai.

PAJAK GADAI – RESIT GADAIAN

9. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bila kementerianya bercadang hendak mensyaratkan tuan punya pajak gadai untuk mengeluarkan resit-resit sebarang gadaian yang ditebus atau pembaharuan surat gadai untuk dijadikan rujukan bagi pihak yang berkuasa dan bagi mengelak dari penipuan oleh pihak pajak gadai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan bahawa sebenarnya menurut peruntukan 18 Akta Pajak Gadai 1972 setiap pemegang pajak gadai adalah diisytiharkan mengeluarkan resit rasmi untuk pembayaran yang dibuat untuk menebus barang-barang gadaian. Berhubung dengan pembaharuan surat gadaian satu resit yang baru tidak perlu dikeluarkan kerana pemegang pajak gadai adalah dikehendaki mencatatkan sebarang tempoh gadaian ke dalam buku rekod gadaian dan ianya juga dikehendaki mencatatkan tempoh perlanjutan baru tersebut dalam tiket gadaian (pawn ticket).

PERKAPALAN – BILANGAN RAKYAT MALAYSIA

10. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan Rakyat Malaysia yang menceburkan diri di dalam bidang perkapalan dan nyatakan apakah galakan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan untuk memperbanyakkan bilangan ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian Pengangkutan pada penghujung tahun 1983 terdapat sejumlah 257 orang perseorangan atau perkongsian dan syarikat-syarikat tempatan yang telah menceburkan diri dalam bidang perkapalan. Dari jumlah 227 ini 52 adalah merupakan penyertaan yang terdiri dari

orang perseorangan/perkongsiian sementara 205 adalah merupakan penyertaan syarikat-syarikat perkapalan.

Perlaksanaan dasar cabotage pada tahun 1980 merupakan langkah yang terpenting yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbanyakkan bilangan rakyat Malaysia menceburkan diri dalam bidang perkapalan.

Dasar cabotage ini menghadkan penyertaan dalam bidang perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal yang dimiliki oleh warganegara dan didaftarkan di Malaysia. Ini telah membuka peluang kepada warganegara untuk mengambil alih penyertaan warganegara asing dalam bidang ini.

Pada tahun 1980 misalnya sejumlah 100 orang perseorangan/perkongsiian dan syarikat perkapalan tempatan telah menyertai bidang ini berbanding dengan keadaan sebelum tahun 1980 di mana adalah dianggarkan sebahagian besar bidang ini merupakan monopoli syarikat perkapalan asing.

Untuk memperbanyakkan lagi bilangan ini penubuhan syarikat-syarikat perkapalan usaha sama dengan pihak asing juga digalakkan. Langkah ini dijangka akan mengatasi masalah kewangan dan kepakaran di dalam bidang perkapalan. Selaras dengan tujuan ini Dewan yang mulia ini telahpun meluluskan beberapa pindaan peruntukan tertentu yang berhubung dengan pemilikan dan pendaftaran kapal dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1982 kelmarin.

Kerajaan telahpun memperkenalkan beberapa insentif kepada bidang perkapalan di mana di antaranya termasuklah pengecualian cukai untuk pendapatan dari perniagaan perkapalan. Insentif ini telah disambut baik oleh masyarakat perkapalan tempatan.

MAHKAMAH TINGGI SEREMBAN/IPOH – PUNCA KEBAKARAN

11. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) punca kebakaran di Mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh; dan
- (b) anggaran belanja yang dijangka untuk memperbaiki kedua-dua Mahkamah itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jawabannya,

- (a) punca kebakaran di Mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh, buat masa ini pihak Polis sedang menjalankan siasatan-siasatan terhadap kebakaran Mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh itu. Jadi keputusan belum dapat diumumkan atau diketahui; dan
- (b) anggaran belanja untuk kedua-dua mahkamah ialah lebih kurang \$325,000.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara ini nampaknya menjadi satu perkara yang disebut-sebutkan oleh orang ramai, maka inginlah saya menambah sedikit kepada jawapan saya ini seperti berikut:

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam Jabatan Perdana Menteri sedang mengambil tindakan bagi menentukan pemeriksaan keselamatan terhadap semua mahkamah supaya dapat disempurnakan dengan lebih berkesan, dengan memberi keutamaan kepada mahkamah-mahkamah yang sudah agak lama belum diadakan pemeriksaan.

Dasar keselamatan mengenai kawalan keselamatan perlindungan di seluruh Jabatan-jabatan Kerajaan dibuat oleh Jemaah Menteri dengan nasihat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai

antara Jabatan-jabatan Kerajaan. Urusetia kepada Jawatankuasa ini adalah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan yang saya sebut tadi di Jabatan Perdana Menteri.

Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan telah meluluskan sebuah Buku Arahan Keselamatan baru-baru ini untuk dilaksanakan oleh semua Jabatan Kerajaan dan dipatuhi oleh setiap penjawat awam. Buku ini adalah menggantikan Buku Panduan Keselamatan yang digunakan pada masa ini untuk memberi liputan yang lebih luas serta berkesan. Buat masa ini buku ini adalah di peringkat percetakan.

Satu Jawatankuasa Bersama telah dibentuk untuk mengkaji dan mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan di semua mahkamah di seluruh negara. Jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada Pejabat Kehakiman, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Polis Di-Raja dan juga MAMPU.

Undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan termasuklah mahkamah-mahkamah di seluruh negara adalah termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972 Pindaan tahun 1983 dan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.

HOSPITAL UNIVERSITI – RAWATAN PESAKIT JANTUNG

12. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak bayaran dikenakan kepada pesakit jantung oleh Hospital Universiti kerana Hospital Universiti mulai menjalankan pembedahan dan rawatan kepada pesakit-pesakit jantung.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Hospital Universiti

mengenakan anggaran bayaran di antara \$3,500 hingga \$4,000 kepada pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan jantung di sana. Bayaran ini termasuk bayaran pembedahan sebanyak \$1,000, bayaran wad dan pemasangan alat periksa yang berharga \$2,500.

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, bolehkah dikecualikan bayaran jika seorang pesakit yang miskin tidak mampu bayar kepada Hospital Universiti supaya pembedahan dan rawatan dapat dijalankan dan nyawanya dapat diselamatkan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk sedapat-dapatnya menolong golongan yang miskin, tetapi setakat ini syarat-syaratnya adalah sebagaimana saya sebutkan tadi. Namun demikian, memang ada pertimbangan yang diberi kepada kes-kes yang tertentu.

TOL LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/KARAK – JUMLAH KUTIPAN

13. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Kerjaraya menyatakan semenjak Tol Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dikenakan, berapakah jumlah kutipan yang diperolehi dari kedua-dua rumah tol tersebut mengikut penjenisan kenderaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kutipan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak semenjak dimulai pada 1hb Jun, 1984 hingga 16hb Julai, 1984 mengikut jenis kenderaan adalah seperti berikut:

PLAZA TOL DI GOMBAK

Kenderaan Kelas I	Kereta	–	\$406,935.72¢
Kenderaan Kelas II	Van/Lori Kecil	–	\$133,842.64¢
Kenderaan Kelas III	Trailer/Trak/ Lori Besar	–	\$135,194.59¢

PLAZA TOL DI BENTONG

Kenderaan Kelas I	Kereta	–	\$124,275.85¢
Kenderaan Kelas II	Van/Lori Kecil	–	\$ 53,939.99¢
Kenderaan Kelas III	Trailer/Trak/ Lori Besar	–	\$ 59,405.28¢

Sejumlah kutipan setakat ini iaitu
sehingga 16hb Julai, 1984

\$913,604.00¢

**KEMPEN ANTI-DADAH-
KEJAYAAN**

14. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi sejak Kerajaan melancarkan kempen anti-dadah secara besar-besaran sejak tahun yang sudah; dan sama ada masalah yang dianggapkan sebagai musuh pertama negara kita telah dapat dikurangkan; jika ada, nyatakan bukti-buktinya.

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab agak panjang sedikit.

Semenjak Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan dilancarkan

Tahun	orang pengedar ditangkap
1981	– 134
1982	– 260
1983	– 363
1984 (sehingga bulan Mei)	– 181

Tangkapan-tangkapan di bawah lain-lain Seksyen Akta Dadah Berbahaya 1952 juga telah meningkat.

Tahun	orang
1981	– 7,881
1982	– 9,808
1983	– 10,263
1984 (sehingga bulan Mei)	– 4,158

pada 19-2-1983 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semua tindakan anti-dadah dalam berbagai bidang telah diperhebatkan lagi dan ianya telah membawa kejayaan yang lebih meluas.

Beberapa Operasi terhadap sindiket pengedaran dadah telah dilancarkan. Pada tahun 1983 sebanyak 101 buah sindiket telah dapat dilumpuh dan dihancurkan. Tangkapan-tangkapan di bawah seksyen 39 (b) Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang membawa hukum mati (mandatory) wajib jika disabitkan kesalahannya telah meningkat berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Rampasan-rampasan dadah juga telah bertambah dengan banyaknya. Di dalam tahun 1984 sehingga bulan Mei sebanyak 380.72 kg candu mentah telah dirampas iaitu empat kali ganda lebih banyak daripada rampasan tahun 1983 yang berjumlah 86.23 kg. Rampasan ganja pada tahun 1983 ialah 182.44 kg. Dalam pada tahun 1984 sehingga bulan Mei ialah sebanyak 732.37 kg.

Akibat tindakan pencegahan yang dijalankan didapati ketulinan atau dalam bahasa Inggeris "genuinity" dadah yang dirampas juga telah menurun sebanyak 50%.

Semenjak Kempen Anti-Dadah dilancarkan bilik-bilik gerakan anti-dadah diwujudkan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Agensi-agensi berkaitan juga telah menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti berhubung dengan pendidikan, pencegahan dadah untuk beberapa kumpulan sasar yang telah dikenalpasti dan masyarakat umumnya. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran orang ramai tentang bahayanya dadah dan menanam sikap membencinya. Manifestasi ini dapat dilihat dari tindakan-tindakan ibubapa atau keluarga yang menyerahkan sendiri anak atau keluarga mereka untuk menjalani pemulihan dan rawatan.

Peranan Pertubuhan bukan Kerajaan dalam membantu Kerajaan mencegah masalah dadah telah juga diselaraskan. Sehubungan dengan itu satu garis panduan telah dikeluarkan untuk memberi panduan kepada badan-badan tersebut di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Sektor swasta juga telah tampil memberi sumbangan bagi membantu usaha-usaha Kerajaan memerangi masalah dadah di negara kita.

Jentera-jentera Rukun Tetangga di seluruh negara sedang dilibatkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti membantu Pegawai Pemulihan Dadah di dalam rundingcara dan aktiviti-aktiviti pencegahan dadah dan lainnya. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai

sejak kempen anti-dadah dilancarkan telah membuktikan bahawa strategi yang telah dibuat oleh Kerajaan adalah menuju ke arah yang boleh mencapai matlamat mengawal dan mencegah dadah secara berkesan.

MAS – PENERBANGAN KE MELAKA

15. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada MAS akan mengadakan penerbangan ke Melaka semula; jika tidak, mengapa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, MAS masih mengadakan perkhidmatan ke Melaka, walau bagaimanapun perkhidmatan ini dijalankan secara ad hoc sahaja, iaitu bergantung kepada kedudukan permintaan penumpang. Sekiranya penempahan yang diterima oleh MAS adalah terlalu kecil dari segi bilangan penumpang, MAS terpaksa membatalkan penerbangan tersebut atas sebab-sebab ekonomi operasi dan penumpang-penumpang berkenaan akan diberikan notis yang cukup mengenai pembatalan tersebut.

Oleh kerana kedudukan seperti ini, saya sebagai Menteri Pengangkutan telah memberi kebenaran untuk sebuah syarikat yang lain, iaitu Malaysia Air Charter untuk menjalankan penerbangan tiap-tiap hari bagi sektor Kuala Lumpur/Melaka/Singapura dan balik dan perkhidmatan ini diadakan tiap-tiap hari dan dapat menampung kehendak-kehendak pengangkutan udara bagi penumpang-penumpang dari dan ke Melaka.

PEMBANTU RUMAH RAKYAT INDONESIA

16. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa wanita-wanita dibawa masuk dari Indonesia untuk menjadi pembantu rumah dengan cara yang haram

dan sah jika ya, adakah beliau telah menyiasat sama ada mereka ini dibawa dengan rela hati atau dengan paksa; jika ya, berapa ramai yang telah dipaksa.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan pas kerja kepada mana-mana warganegara asing untuk bekerja sebagai pembantu rumah di negara ini.

PETANI MENGGUNAKAN SUBSIDI BUKU KUPUN

17. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan cadangan Kerajaan untuk memberi subsidi menggunakan buku kupun merugikan petani, kerana di dalam buku kupun itu tercatat bayaran subsidi hanya untuk 16 guni padi pada satu hektar, pada hal pendapatan hasil padinya jika tidak kena penyakit ialah kira-kira 24 guni satu hektar.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Penggunaan buku daftar di dalam memberikan subsidi harga padi adalah bertujuan supaya pesawah yang benar-benar mengusahakan sawah sahaja yang mendapat faedah daripada skim ini. Ini adalah sebagai langkah mengatasi penyelewengan oleh orang-orang yang bukan pesawah yang tidak berhak ke atas subsidi dari menerima subsidi. Catatan-catatan yang dimuatkan di dalam buku itu ialah hanya fakta-fakta asas mengenai keluasan tanah serta kadar hasil purata padi. Ini akan menjadi panduan kepada kakitangan subsidi dalam pembelian urusan subsidi padi. Setelah meneliti hasil daripada Projek Percubaan Pendaftaran Pesawah di Kedah/Perlis, LPN kini telah memperkemas sistem pendaftaran tersebut bagi tujuan memastikan seseorang pesawah menjual hasil di dalam lingkungan kadar pengeluarannya.

Penjualan petani itu akan dibandingkan dengan anggaran pengeluaran mengikut anggaran pengeluaran Jabatan Pertanian yang dibuat setiap musim menanam dan yang mengambilkira antara lain faktor kesuburan tanah, jenis padi yang ditanam dan juga bekalan air.

Dengan angka panduan ini dapatlah dikesan sama ada seseorang itu menjual hasil yang diusahakannya sendiri ataupun hanya menjadi orang tengah membeli padi daripada petani-petani kecil dan mengambil untuk dirinya subsidi yang diberi oleh Kerajaan yang seharusnya diterima oleh petani-petani yang benar-benar menanam padi.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan masalah rungutan daripada pihak-pihak petani. Sebelum saya buat soalan, saya ingin penjelasan, perkara ini berbangkit kerana pihak Kementerian tidak memberi penerangan seluas-luasnya kepada pihak petani, dengan sebab itu perkara itu selalu berbangkit.

Soalan yang pertama, dalam subsidi kupun itu ditetapkan 16 guni dan sebagainya, sekiranya pendapatan petani itu lebih maka siasatan akan dibuat. Saya rasa ini akan menjadi kerumitan. Adakah dengan cara lain, adakah boleh diterima sekiranya kelebihan itu sedikit, lebih kurang seguni atau dua guni, lebih daripada yang didaftarkan dalam kupun subsidi itu.

Yang kedua, sekiranya dalam pendaftaran itu 16 guni tetapi dia jual 10 guni, adakah 10 guni itu boleh dibawa (carry forward) pada tahun musim yang akan datang.

Yang ketiga, sekiranya petani-petani itu menjual padi di tempat-tempat atau di kedai-kedai yang tidak ada pegawai-pegawai yang boleh memberi lesen kupun subsidi, bagaimana pula dengan padi jualan sedikit-sedikit di kedai-kedai berhampiran dengan rumahnya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tuduhan mengatakan tadi penerangan itu tak betul langsung kerana untuk beberapa bulan sebelum skim itu dilancarkan, sebenarnya skim percubaan di Kedah/Perlis itu dilancarkan, penerangan telah diadakan seluas-luasnya dengan Jabatan Penerangan, Jabatan Pertanian, kalau di Kedah itu pihak MADA dan saya rasa tak timbullah soal tak tahu. Yang kecoh itu sebenarnya tak faham, ada pihak agaknya tak faham, saya rasa petani faham, yang tak faham itu ada orang yang tak fahamlah (*Ketawa*) kerana dalam buku ini, saya bawa, Tuan Yang di-Pertua, izin tunjukkan, tak pernah dicatatkan bahawa petani itu hanya berhak menjual 16 guni dan sebagainya. Apa yang dicatatkan ialah antara lain macam saya katakan tadi, luas sawah dia, luas sawah yang diusahakan, kemudian dia kata anggaran hasil sehektar, buka kata hasil dia mesti 16 guni, 17 guni—tidak, anggaran dan anggaran ini bukan kita reka, anggaran ini diberi oleh Jabatan Pertanian yang fasih dalam hal ini.

Berdasarkan kepada anggaran hasil sehektar ini, maka kalau musim pertama padi baik dan Jabatan Pertanian menganggarkan pada musim itu 20 guni katakan, maka dicatitlah, sepatutnya purata 20 guni. Kalau petani itu 20 guni katakan, maka dicatatlah, mengikut logik boleh mengeluarkan 40 guni, tiba-tiba dia datang dengan 100 guni, maka berhaklah pegawai yang mengelolakan subsidi ini menahan sekejap pembayaran, kerana hendak disiasat dari mana datangnya 60 guni lebih tadi, pada hal mengikut luas tanah dia lebih kurang 40, 42, 45 begitulah, taklah sampai dua kali ganda. Jadi ini mengelak daripada orang tengah yang tak ada tanah ataupun yang ada tanah kecil membeli hasil padi daripada orang lain dan menuntut subsidi. Ini anggaran sahaja. Dan tiap-tiap musim anggaran ini diubah oleh Jabatan Pertanian, tahun ini musim baik, ditambah anggaran tadi dan petani akan diberi

subsidi mengikut apa yang dijualnya. Hanya kalau kes di mana melebihi sangat daripada keupayaannya, barulah kita syak wasangka di situ, kalau tidak, dibereskan juga.

Mengenai 'carry forward' itu tak timbullah, kita bayar apa yang dijualkannya.

Mengenai menjual kepada orang yang tidak bertauliah, inilah yang hendak kita elakkan, hendaklah kita memberi penjelasan kepada petani jangan menjual padi kepada orang yang tidak bertauliah kerana tidak dapat subsidi dan hanyalah jual kepada pembeli yang telah dilesenkan ataupun kilang-kilang yang diberi tauliah di mana subsidi boleh dibayar.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini cukup terang, Yang Berhormat. Saya ingat kalau dapat buku itu diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara seorang satu, boleh dapat? Itu lagi baik.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit tambahan. Saya tidak bertanya kalau lebih 40 guni, ini mustahil. Saya tak tahulah kalau di negeri lain, di Perak boleh jadi setahun dia bertambah 40 guni, tetapi di Negeri Perlis dengan Kedah, saya tanya kalau dianggarkan 14 guni, tiba-tiba dia pergi jual 20 guni, lebih 6 guni, bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan menerima kerana kelebihan dengan 4 guni sahaja. Itu sahaja. Masalah jual di kampung ini kalau kita capak tak serupa bikin, jadi di kampung ini kadang-kadang ada yang sesak, macam kita ini mungkin tak sesaklah. Di sana dia terpaksa kena jual, kadang-kadang setengah guni, 2 tin dan sebagainya. Ini yang timbul masalah, sebab kita pergi selalu di cawangan-cawangan, masalah ini yang timbul.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-pertua, sebenarnya kata saya 40 guni tadi mengikut keluasan kasarnya. Kalau dijual padi lebih daripada menasabah, lebihnya tak apa, cumanya macam sindiket yang melakukan, ia jual sampai beribu guni pada hal

sawahnya sedikit sahaja. Itulah yang kita hendak kesan.

Dari segi jual kepada orang yang tak bertauliah tadi, cuma kita dapat memberi penjelasan kepada petani, kalau dia sayangkan subsidi itu juallah kepada orang yang bertauliah. Itu sahajalah.

SISTEM KERETAPI BAWAH TANAH

18. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuat kajian yang terperinci untuk mengadakan "sistem keretapi bawah tanah" seperti di London dan sebagainya di Kota Kuala Lumpur; jika ya, bila dapat dilaksanakan dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, tinjauan yang telah dibuat sebelum ini mendapati cadangan untuk mengadakan sistem keretapi atau apa juga sistem pengangkutan bawah tanah di Kuala Lumpur ini adalah kurang sesuai. Kurang sesuai kerana kos pembinaan dan penyelenggaraannya yang sangat tinggi dibandingkan dengan sistem pengangkutan di atas tanah.

Kos pembinaan terowong bawah tanah adalah dianggarkan tiga kali ganda banyaknya dibandingkan dengan pembinaan jalan atas tanah yang sama jaraknya. Keadaan rupa bumi, jenis tanah dan juga paras air yang tinggi serta hujan yang turun sepanjang tahun merupakan faktor-faktor penting yang menjadikan kos pembinaan terowong bawah tanah begitu tinggi. Untuk itu demi memperbaiki lagi sistem pengangkutan di Kuala Lumpur ini selain dari memperbesarkan dan mengubahsuai jalan-jalan yang sedia ada, pembinaan sistem pengangkutan laju-ringan di atas tanah adalah sesuai sekali. Ini dapat kita lihat dalam cadangan mengadakan sistem

transit laju-ringan ataupun LRT dan juga aero-bus.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sekarang ada keretapi telah-pun melancarkan railbus. Dahulu ada landasan keretapi daripada Puduraya ke Salak Selatan. Sekarang landasan itu tidak digunakan lagi. Oleh memandangkan keadaan kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur ini, tidak adakah pihak Dewan Bandaraya dan juga keretapi mewujudkan semula jalan landasan keretapi itu bagi menjalankan railbus yang ada pada hari ini rasa saya sesuai untuk digunakan.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua cadangan ini memang baik tetapi railbus itu bukanlah di bawah Kementerian saya tetapi di Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, bolehlah saya bawa cadangan Ahli Yang Berhormat itu ke pengetahuan Dewan Bandaraya. Jika sekiranya ada, boleh kita dapat kesan yang baik, mungkin di masa akan datang kita akan menggunakan landasan itu.

KASTAM JOHOR BAHRU – LORONG PEMERIKSAAN

19. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada hari-hari perayaan, pihak Kastam Johor Bahru tidak membuka semua lorong-lorong pemeriksaannya padahal di ketika itulah keadaan lalulintas amat sibuk sekali, jika ya, mengapa dan bolehkah pihak yang berkenaan membuka semua lorong pada masa-masa yang sibuk.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais di Raja sedar akan masalah kesibukan lalulintas di Tambak Johor di hari-hari perayaan. Jadi untuk mengatasi masalah ini Jabatan Kastam sentiasa membuat persediaan yang secukupnya. Kesemua lorong-lorong pemeriksaan

kastam yang berjumlah sebanyak 14 lorong adalah dibuka pada hari-hari berkenaan. Pada Hariraya yang lalu – yang baru-baru ini, keadaan kesesakan lalulintas di Tambak Johor adalah luar biasa walaupun kesemua lorong-lorong yang berjumlah 14 tadi telah dibuka. Ini adalah disebabkan oleh tempoh cuti yang panjang iaitu cuti Hariraya bersambung dengan cuti mingguan Persekutuan dan negeri Johor yang bermula dari 29hb Jun hingga 2hb Julai tahun ini. Di dalam tempoh ini ramai orang mengambil kesempatan melancung dan membelibelah di Singapura dan orang-orang Singapura pula melancung ke Malaysia. Bilangan orang ramai yang melalui Tambak Johor dalam masa itu dapat digambarkan dari kutipan-kutipan cukai yang telah dipungut. Misalnya, kutipan di hari biasa berjumlah \$60,000 sehari, sementara di hari perayaan yang lepas ini jumlah kutipan ialah dalam lingkungan \$106,000 sehari.

PERKHIDMATAN TELEFON DISWASTAKAN

20. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah perkhidmatan telefon akan diswastakan dan bagaimanakah caranya memilih syarikat-syarikat swasta yang akan memohonnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengatakan bahawa pada masa ini pun sudah banyak perkhidmatan-perkhidmatan telekom yang telah secara langsung dikendalikan oleh pihak swasta. Ini termasuklah pemasangan dan pengendalian telefon awam di bandar, penjualan jenis alat-alat telefon, pembekalan alat-alat telefon kereta dan alat-alat PABX dan sebagainya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telah membuat keputusan bahawa pengurusan network telekomunikasi yang sekarang ini dijalankan oleh Jabatan Telekom iaitu sebuah Jabatan

Kerajaan akan diberi kepada sebuah organisasi yang berbentuk syarikat untuk mengendalikannya. Tujuan Kerajaan ialah syarikat ini akan ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri dan ianya akan mengambilalih tugas mengendalikannya semua perkhidmatan telekomunikasi daripada Jabatan Telekom diharapkan pada awal tahun 1985. Memandangkan kajian dan penelitian di atas perkara ini masih sedang dijalankan, saya hanya dapat membuat pengumuman yang lebih lanjut mengenai perkara ini selepas selesainya sisatan itu nanti.

PELAJAR MALAYSIA DI INDIA

21. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa penuntut-penuntut Malaysia yang jujur yang sedang belajar di India tidak mengalami apa-apa kesusahan yang tidak diinginkan atas kesukaran di dalam memperolehi visa bagi tujuan memasuki India;
- (b) sama ada Kerajaan Malaysia ada apa-apa rancangan untuk mengenakan keperluan-keperluan terhadap warganegara India yang memasuki Malaysia; dan
- (c) sama ada Kerajaan Malaysia akan membawa perkara itu kepada Kerajaan India untuk mengecualikan penuntut-penuntut Malaysia yang jujur yang sedang belajar di India daripada memperolehi visa untuk memasuki India.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, mengenali soal:

- (a) Setakat yang kita ketahui sehingga ini penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di India tidak mengalami sebarang kesulitan untuk memperolehi visa. Jaminan ini juga telah diberi

- oleh Kerajaan India kepada kita.
- (b) Berdasarkan prinsip timbal balas, dengan izin, principle of reciprocity, Kerajaan kita telahpun membuat keputusan mengenakan visa kepada semua warganegara India yang masuk ke Malaysia dan peraturan ini akan berkuatkuasa pada 1hb Ogos, 1984. Peraturan visa yang dikenakan ke atas warganegara India untuk memasuki Malaysia itu adalah secara menyeluruh dan meliputi pemegang-pemegang pasport diplomatik dan pasport rasmi tanpa mengira tempoh atau tujuan lawatan. Bayaran sebanyak \$12 dikenakan bagi mendapat visa tersebut kecuali untuk pemegang-pemegang pasport diplomatik.
- (c) Kerajaan tidak akan membawa perkara pengecualian visa bagi penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di India kerana peraturan mengenakan visa oleh Kerajaan India itu adalah hak istimewa prerogative Kerajaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 22.

INDUSTRI INFORMASI- GALAKAN CUKAI

22. Dato G. Pasamanickam (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada galakan cukai akan diberi kepada industri-industri informasi, memandangkan penggunaan komputer dan informasi dalam industri-industri semakin pesat dalam negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat adalah tidak begitu jelas, tertakluk kepada beberapa pentafsiran. Soalan ini

boleh ditafsirkan sebagai galakan-galakan yang terdapat untuk industri-industri perkilangan yang menggunakan komputer dan teknologi-teknologi yang agak 'sophisticated' dalam proses perkilangan. Di sini sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa berbagai-bagai galakan terdapat untuk industri-industri yang memodenkan operasi mereka dan/atau menggunakan teknologi yang tinggi atau 'sophisticated' dalam proses perkilangan. Di antara galakan-galakan yang terdapat ialah Galakan Taraf Perintis, Galakan Tempat Kedudukan, Kredit Cukai Pelaburan, Elaun Pelaburan Semula, Elaun Susutan Dipercepatkan dan Elaun Modal Tambahan. Walaupun galakan-galakan ini diberi kepada industri-industri secara umumnya, ia adalah diberi dengan lebih liberal untuk industri-industri yang berteknologi tinggi dan industri-industri yang memodenkan operasi mereka.

Mengenai aktiviti-aktiviti dalam bidang informasi Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan Galakan Cukai. Kerajaan sedar bahawa penggunaan komputer dalam bidang ini serta dalam industri-industri yang lain telah bertambah pesat. Dengan itu duti import sebanyak 25% yang dikenakan ke atas pengimportan komputer telahpun dihapuskan dalam Belanjawan 1983. Ini merupakan suatu galakan kepada penggunaan komputer oleh industri informasi atau oleh industri-industri yang lain.

LEBUHRAYA SIMANGGANG/ MIRI, SARAWAK

23. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan buruk Lebuhraya Simanggang/Miri di Sarawak dan jika sedar bila beliau akan memperbaiki keadaannya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Velu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Simanggang/Miri adalah

merupakan sebahagian daripada sistem lebuhraya utama Sarawak yang bermula dari Semantan ke Miri.

Pada masa ini Kementerian saya melalui Jabatan Kerjaraya Sarawak sedang memberi keutamaan untuk menaikkan taraf serta mengtarkan bukan sahaja sebahagian dari Simanggang/Miri ini tetapi juga seluruh lebuhraya utama Semantan/Miri. Untuk maksud tersebut sejumlah \$21.5 juta telah diperuntukkan bagi tahun ini dan sebanyak lebihkurang \$48 juta lagi telah diluluskan untuk tahun hadapan. Kementerian saya menjangka kerja-kerja yang dianggarkan menelan belanja sebanyak lebihkurang \$577 juta ini akan disiapkan selewat-lewatnya dalam tahun 1990.

TEKSI KEPUNYAAN KETURUNAN INDIA

24. Puan Sri Datin Janaki Nahappan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan setakat ini, dan bilangan yang telah dikeluarkan kepada masyarakat keturunan India.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan sehingga akhir bulan Februari 1984 ialah sebanyak 23,834. Daripada bilangan ini, sebanyak 1,481 adalah dipegang oleh rakyat Malaysia keturunan India.

SIARAN RADIO BAGI ORANG ASLI

25. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa siaran radio bagi Orang Asli di kawasan Selangor dan Wilayah tidak begitu jelas tetapi di lain kawasan terang dan juga dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang itu terlampau singkat dan juga tidak begitu sesuai kerana orang-orang sedang sibuk bekerja dan sama ada siaran untuk Orang Asli dilanjutkan hingga jam 8.00 malam siarannya.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedar mengenai masalah penerimaan siaran radio bagi Orang Asli di kawasan Selangor dan Wilayah.

Buat masa ini Kementerian saya masih dalam proses mengumpulkan maklumbalas daripada masyarakat Orang Asli bagi menentukan apakah masalah-masalah yang sebenar dan langkah-langkah yang wajar diambil bagi memperbaiki siaran itu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk melanjutkan siaran bagi Orang Asli hingga pukul 8.00 malam, Kementerian saya memanglah sedang mengkaji kemungkinan untuk menambahkan masa siaran untuk Orang Asli memandangkan sambutan baik dikalangan masyarakat tersebut.

BIASISWA PETRONAS KEPADA PENUNTUT SABAH/SARAWAK

26. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan bilangan biasiswa pelajaran yang diberi kepada penuntut-penuntut dari Sabah dan Sarawak melalui PETRONAS dan setakat ini bilangan penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa PETRONAS untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri mengikut jenis-jenis kursus masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya tidak agak yang soalan ini akan timbul. Sehingga ke akhir bulan Jun 1984, sebanyak 381 biasiswa telah diberikan oleh PETRONAS kepada pelajar-pelajar dari negeri Sabah dan Sarawak. Dari jumlah tersebut, 271 adalah dari negeri Sarawak dan 110 dari negeri Sabah.

Dari segi jenis-jenis biasiswa pula 305 adalah biasiswa kecil diberikan kepada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah, manakala baiknya yang berjumlah 76 adalah bagi biasiswa

penuh iaitu untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi.

Dari seramai 76 orang pemegang biasiswa penuh dari negeri Sabah dan Sarawak, 58 orang sedang melanjutkan pelajaran di luar negeri dan 18 orang di dalam negeri. Dari 58 orang pemegang biasiswa yang menuntut di luar negeri, 7 orang mengikuti kursus di peringkat ijazah di dalam berbagai bidang perniagaan, 25 dalam bidang kejuruteraan, 24 dalam bidang sains, 1 dalam bidang Undang-undang dan 1 dalam bidang ukur-bahan.

Dari 18 pelajar yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, 13 orang sedang mengikuti kursus-kursus dalam bidang perniagaan, 2 dalam bidang kejuruteraan dan 3 dalam bidang Sains Kesetiausahaan.

PINJAMAN SEKIM MENGENANG BUDI

27. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada ahli-ahli Bank Rakyat melalui sekim mengenang Budi; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang membolehkan seorang ahli itu meminjam melalui sekim ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 30hb Jun 1984 kepada ahli-ahli Bank Rakyat melalui sekim mengenang Budi ini adalah seperti berikut.

Bilangan pinjaman ialah 406 orang. Jumlah yang dikeluarkan ialah \$4,986,000. Syarat-syarat utama untuk memohon mendapatkan kemudahan sekim pinjaman mengenang Budi adalah seperti berikut:-

- (a) pemohon mestilah seorang bumi-putera yang berjawatan tetap dan memegang jawatan pegawai eksekutif, guru dan golongan ikhtisas serta berpendapatan tidak kurang daripada \$1,000 sebulan.
- (b) Pemohon hendaklah menjadi ahli Bank Rakyat dengan memiliki saham tidak kurang dari \$500.
- (c) Pinjaman ini adalah untuk tujuan membeli tanah dan membina rumah, memperbaiki atau mengubahsuai rumah separuh kekal di kawasan luar bandar kepunyaan ibu bapa atau mertua atau penjaga pemohon.
- (d) Had maksima pinjaman adalah berasaskan kepada 8 kali gaji kasar bulanan atau \$20,000 yang mana lebih rendah dan tempoh bayaran balik pinjaman tidak boleh melebihi 10 tahun.
- (e) Pinjaman ini hanya memerlukan 2 orang penjamin.

MEMPERINGATI KEPADA PERAJURIT YANG TERKORBAN

28. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengikut ajaran Islam dengan erti kata sebenarnya apabila memperingati perajurit-perajurit kita yang terkorban, hari tentera dan lain-lain lagi, waktu mana sembahyang tahjud umpamanya, dilakukan, kenduri aruah diadakan di surau-surau dan masjid-masjid dan bukan berkumpul beramai-ramai menghadap dan memberi hormat kepada batu meletakkan kalung-kalungan bunga yang bertentangan dengan ajaran Ugama Islam, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang membangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semamangnya di dalam perhatian dan tindakan Kerajaan.

Dari semasa ke semasa, Kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan lagi

penerapan nilai-nilai Islam termasuk di dalam upacara-upacara yang disebutkan oleh Ahli yang Berhormat sama ada di peringkat Negeri ataupun di peringkat Persekutuan.

SIARAN FM STEREO KE SELURUH NEGARA

29. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Penerangan menyatakan bila Rancangan Radio FM Stereo dapat disiarkan di seluruh negara.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya belum lagi mencadangkan secara khusus untuk mengadakan siaran FM Stereo ke seluruh negara. Walau bagaimanapun satu rancangan untuk menukar siaran Radio Malaysia dari AM atau amplitude modulation, dengan izin, ke FM atau frequency modulation, Mono akan dilaksanakan mulai pertengahan tahun hadapan iaitu tahun 1985 mengikut peringkat-peringkat pelaksanaan yang tertentu.

Peringkat pertama meliputi stesyen pemancar FM Mono di Bukit Baka, Kelantan; Gunung Kledang, Perak, Gunung Ulu Kali, Selangor dan Pahang, dan Gunung Ledang, Johor/Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 30 hingga 53 adalah diberi dibawah ini).

RUMAH PANGSA – TEMPAT BUANG SAMPAH

30. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kementeriannya akan membuat rancangan merekabentuk semula tempat buangan sampah sarap di rumah-rumah pangsa yang pada masa ini muka lubangnya terlalu rendah dan merbahaya kepada kanak-kanak, jika

ya, nyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan tragedi yang berlaku kepada seorang kanak-kanak disebuah rumah pangsa dahulu tidak berulang semula.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memanglah daripada semasa ke semasa, akan memperkemaskan rekabentuk dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di sekitar rumah pangsa untuk keselesaan penghuni-penghuninya.

Berhubung dengan penutup lubang sampah (refuse hopper) bagi rumah-rumah pangsa yang sedang dalam pembinaan seperti Projek-projek Bandar Tun Razak 3C, Sentul 1C dan Cheras 3B; rekabentuk baru yang lebih sesuai dan selamat telah dikenalpasti. Rekabentuk baru ini dicadangkan dibuat dengan bahan aluminium yang berukuran hanya 290 mm lebarnya, iaitu lebih kecil daripada ukuran yang terdapat di kebanyakan rumah pangsa yang sedia ada.

Sementara itu bagi rumah-rumah pangsa yang sedia ada di mana muka lubang sampah terlalu rendah dan merbahaya kepada kanak-kanak, tindakan membaiki penutup yang telah rosak sentiasa diberi keutamaan daripada semasa ke semasa. Di samping itu bagi menjamin keselamatan penghuni-penghuni, kerja-kerja ubahsuai sedang diteliti untuk dilaksanakan secepat mungkin yang boleh.

Namun demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merayu kepada semua penghuni rumah pangsa supaya memberi kerjasama agar menggunakan lubang sampah dengan baik dan memastikan penutupnya sentiasa tertutup untuk mengelakkan kemalangan jiwa terutama di kalangan kanak-kanak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya berupaya mengadakan langkah-langkah mengawal keadaan tetapi ini memerlukan kerjasama

daripada setiap penghuni rumah pangsa supaya keselamatan mereka terjamin.

Perbuatan merosak harta awam patut dibentasi bersama dan tidak hanya bergantung kepada pihak berkuasa sahaja.

LESEN RADIO/TV DINAikkan

31. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menaikkan kadar bayaran lesen Radio/TV dari \$24.00 kepada \$30.00 atau lebih setahun memandangkan bahawa Rancangan TV3 telah dilancarkan untuk Ibu Kota Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Dato' Rais Yatim: Kementerian Penerangan sedang mengkaji kadar bayaran lesen-lesen Radio/TV. Dalam hubungan ini, Kementerian Penerangan akan sentiasa berhati-hati supaya keputusannya kelak tidak akan membebankan rakyat.

DADAH DI PUSAT PEMULIHAN

32. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ada pengedar-pengedar dadah yang menjalankan kegiatan mengedar dadah di Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan di penjara-penjara kita seperti yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini; jika sedar apa tindakan Kementerian akan ambil bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Setakat mana yang Kementerian saya ketahui tidak ada pengedar-pengedar dadah yang menjalankan kegiatan mengedar dadah di Pusat-pusat Pemulihan dadah di bawah Kementerian saya.

Mengenai perkara tuduhan pengedaran dadah di Pusat Pemulihan Dadah, Bukit Mertajam seperti yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini, siasatan telah dibuat di Pusat Pemulihan berkenaan dan didapati laporan dalam akhbar berkenaan tidak

benar, kerana tidak ada kegiatan mengedar dadah di Pusat itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat-pusat Pemulihan Dadah selalu mengadakan pemeriksaan mengejutkan tidak sekali pun terjumpa sesuatu alat atau tanda-tanda yang boleh menunjukkan bahawa pelatih-pelatih menyalahgunakan dadah dalam Pusat-pusat tersebut.

Kementerian saya sedar ada kegiatan menyeludup dadah kedalam penjara-penjara seperti yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini. Walau bagaimanapun kegiatan menyeludup dadah ini pada amnya dijalankan dengan secara individu, iaitu kes-kes berasingan dan tidak menunjukkan bukti-bukti adanya sendikat atau kumpulan yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

Antara tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah:-

1. Pemeriksaan harian dan mengejut dijalankan dari semasa ke semasa ke atas pegawai-pegawai berpakaian seragam, kakitangan awam, banduan-banduan serta pelawat-pelawat.
2. Anjing-anjing Narkotik juga dibawa masuk untuk mengesan tempat-tempat serta kawasan dalam penjara yang mungkin tersembunyinya dadah.
3. Sebagai satu galakan pegawai-pegawai penjara dan banduan-banduan yang memberi maklumat sehingga seseorang tertangkap dan dihukum oleh Mahkamah kerana cuba menyeludup dadah ke dalam penjara akan diberi hadiah wang tunai serta Sijil Kepujian kepada Pegawai-pegawai penjara dan ampun khas serta hadiah wang tunai kepada banduan-banduan.
4. Untuk mencegah masalah dadah dalam Penjara, semua pegawai-

pegawai Penjara yang baru dilantik adalah diperlukan untuk menandatangani satu surat akuan yang menyatakan bahawa, jika mereka ditangkap kerana menghisap atau mengedar dadah, tindakan yang keras akan diambil terhadap mereka;

5. Menjalankan pemeriksaan "air kencing" dengan menggunakan mesin "Emit" ke atas pegawai-pegawai kakitangan serta banduan-banduan.

MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM- ANGGOTA

33. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar ada negeri-negeri yang tidak menjadi anggota Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, jika benar, nyatakan bilangan dan nama negeri-negeri tersebut dan apa usaha-usaha pucuk pimpinan Kerajaan hendak menarik semua negeri-negeri menganggotai Majlis ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed): Memang benar ada negeri-negeri yang tidak menjadi anggota Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, kerana keanggotaan ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri-negeri berkenaan. Negeri-negeri yang tidak menjadi ahli-ahli ialah negeri Kedah, Pahang dan Johor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa menjemput wakil dari negeri-negeri tersebut untuk turut hadir ke Persidangan-persidangan Peringkat Persekutuan seperti Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Malaysia, Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan lain-lain Persidangan di peringkat persekutuan dan antarabangsa.

PAGAR KESELAMATAN MALAYSIA/THAILAND

34. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak pagar keselamatan sempadan Malaysia/Thailand di dirikan sehingga ke akhir bulan Jun, 1984 sudah beberapa kali pagar tersebut dipecahkan oleh anasir-anasir jahat dan apakah tindakan yang akan di ambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan menjaga kawasan tersebut.

Menteri Dalam Negeri Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kejadian memecah pagar-pagar keselamatan oleh anasir-anasir jahat memang ada berlaku dan pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengawal dan menjaga kawasan tersebut.

SENJATAPI - JENAYAH ROMPAKAN

35. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa kegiatan-kegiatan seperti merompak dan membunuh dengan menggunakan senjatapi, bukan semakin berkurangan tetapi semakin bertambah di seluruh negara kita; dan menyatakan sebab-sebabnya perkara tersebut boleh berlaku begitu serius sekali dan sama ada ia berlaku dari kawalan keselamatan yang tidak cekap di negara kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tidak dapat dinafikan bahawa adanya kejadian-kejadian jenayah seperti merompak bersenjatapi dan membunuh dengan menggunakan senjatapi di negara ini. Kejadian seperti ini juga wujud di mana-mana negara pun, ianya dapat dibenteras tetapi tidak dapat dihapuskan sepenuhnya. Perangkaan-perangkaan kejadian rompak dan bunuh bersenjatapi di negara ini tidak menunjukkan kejadian ini bertambah dengan banyaknya.

Pertambahan kejadian jenayah rompak dan bunuh bersenjatapi yang sedikit dari tahun ke setahun adalah

ekoran dari pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat di negara ini.

Pertambahan kejadian jenayah jenis ini amatlah kecil, ianya adalah terkawal. Keselamatan rakyat adalah terjamin.

LESEN PAJAK GADAI

36. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan pajak gadai di negara kita dan sama ada Kerajaan bercadang hendak menambahkan bilangan pajak gadai yang ada sekarang.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Jumlah Lesen Pajak Gadai di seluruh Malaysia sekarang ialah sebanyak 190. Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menambahkan bilangan Lesen Pajak Gadai yang ada sekarang.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

37. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Pusat Pemulihan Dadah di sungai Petani, Kedah yang telah lama siap pembinaannya itu dapat memulakan khidmatnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerja-kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur bagi Pusat Pemulihan Dadah, Sungai Petani, Kedah telah siap pada akhir tahun 1983. Walau bagaimana pun oleh kerana keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan, bekalan air ke Pusat tersebut masih belum dapat diadakan.

Pusat ini dijangka akan mula khidmatnya pada awal tahun 1985 setelah bekalan air ke Pusat tersebut diperolehi.

KAD PENGENALAN PALSU

38. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa di dapati beberapa orang memiliki kad pengenalan palsu di Sabah baru-baru ini dan jika benar apakah

tindakan yang telah dan sedang diambil untuk mencegah perbuatan ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Yang sebenarnya dua kes telah dikesan dan ditangkap di Sabah oleh pihak Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan penggunaan resit palsu permohonan kad pengenalan. Kedua-dua kes ini telah didakwa dan dihukum oleh mahkamah. Kejadian ini bukan merupakan kesalahan penggunaan kad pengenalan palsu seperti yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat.

Kerajaan sentiasa mengawasi perkara ini dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak jua bagi memastikan perkara-perkara yang tidak diingini ini tidak berlaku.

KOLEJ SUKAN – PENUBUHAN

39. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau berpuas hati dengan mutu sukan di negara ini dan samada beliau akan mengkaji dengan serius untuk menubuhkan sebuah kolej Sukan yang akan melatih olahragawan dan pemain-pemain sukan untuk meninggikan imej sukan negara kita; jika ya bila dan jika tidak mengapa.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pada keseluruhannya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan belum berpuashati dengan mutu sukan negara ini kalau dibandingkan dengan pencapaian negara-negara lain di rantau ini. Dalam usaha untuk meninggikan mutu sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah merancang untuk menubuh sebuah Institut Sukan yang bertujuan untuk melatih pegawai, jurulatih serta ahli-ahli sukan di samping menyediakan kemudahan-kemudahan pertandingan yang bertaraf antarabangsa. Di samping itu juga Institut ini akan menjadi Pusat Penyelidikan Sukan. Sebagai makluman Yang Berhormat di antara kemudahan-kemudahan sukan yang dirancang di Institut

Sukan Negara ini ialah sebuah Stadium Terbuka yang boleh memuatkan 70,000 orang penonton, Stadium Tertutup, sebuah velodrome, Kolam renang, gimnasium, dewan permainan dalam (indoor stadium), bilik-bilik kuliah, asrama dan juga pejabat pentadbiran.

Sebidang tapak tanah seluas 82.96 hektar di Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan telah diambilalih oleh Kementerian ini untuk penubuhan Institut tersebut.

Kementerian juga sedang berusaha untuk memajukan Institut ini secara berperingkat-peringkat melalui penglibatan pihak-pihak swasta.

Adalah diharapkan dengan tertubuhnya Institusi ini penyediaan ahli-ahli sukan Kebangsaan berjalan dengan lebih teratur sesuai dengan kemajuan-kemajuan sukan di negara-negara yang lain.

PENERBANGAN MAS KE LONDON

40. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) tarikh dan syarat-syarat perjanjian di antara pihak British dan Mas berkenaan dengan hak penerbangan di antara kedua-dua negara ini; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk menambah penerbangan MAS ke London.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Perjanjian asas mengenai perkhidmatan udara di antara Malaysia dengan United Kingdom telahpun di tandatangani pada 24hb. Mei, 1973. Semenjak daripada itu, beberapa rundingan udara antara kedua negara telah diadakan untuk mengkaji semula hak-hak trafik yang dibenarkan.

Perjanjian udara ini mempunyai perbekalan yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia (MAS) dan United Kingdom mengadakan perkhidmatan udara berjadual diantara

Malaysia dengan United Kingdom dan jua diantara Malaysia dengan Hong Kong.

Mengenai syarat jalan diantara Kuala Lumpur ke London dan sebaliknya, MAS dan British Airways masing-masing dibenar mengadakan hanya empat penerbangan seminggu. Bagi jalan diantara Malaysia dengan Hong Kong, MAS dan Cathay Pacific Airways masing-masing dibenar mengadakan sebanyak 7 kali penerbangan seminggu diantara Semenanjung Malaysia dengan Hong Kong dan sebanyak 2 penerbangan seminggu diantara Kota Kinabalu dengan Hong Kong.

Selaras dengan aturan perjanjian yang membolehkan MAS mengadakan penerbangan yang kelima ke London tertakluk kepada pencapaian "seat factor" tertentu. Malaysia telah memohon kelulusan Kerajaan British untuk MAS melaksanakan penerbangan yang kelima itu. Permohonan ini dibuat kerana mengikut perangkaan trafik MAS telahpun dapat memenuhi syarat yang berasaskan kepada pencapaian peratus "seat factor" yang ditetapkan. Dua rundingan telah diadakan di peringkat pegawai pada bulan Januari dan bulan Mei pada tahun ini. Bagaimanapun, pihak British belum bersetuju dengan pendapat Malaysia itu.

Perkara ini masih dan akan terus dirundingkan diantara kedua belah pihak dan Kerajaan akan berusaha mendapatkan penyelesaian secepat mungkin. Saya sendiri telahpun menarik perhatian Menteri Pengangkutan British (British Secretary of State for Transport) dan Setiausaha Parlimennya (Parliamentary Under-Secretary of State for Transport) mengenai perkara ini apabila saya bertemu dengan mereka baru-baru ini. Mereka berdua telah berjanji akan meneliti perkara ini dan adalah diharapkan bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan.

BIASISWA KEPADA LULUSAN DIPLOMA INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

41. Puan Hajah Hafsa binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat banyak sungutan mengenai biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam di kalangan pelajar-pelajar lulusan Diploma dari Institusi Pelajaran Tinggi yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di seberang laut, dan sama ada benar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam hanya mengeluarkan biasiswa untuk jangka masa selama 2 tahun pengajian bagi kursus peringkat Ijazah Pertama yang mana ini bermakna untuk pelajar-pelajar yang diterima masuk ke Tahun Ketiga sahaja; jika benar, apakah tindakan pihak Kementerian untuk membantu dan menyelesaikan masalah pelajar yang diterima masuk ke Tahun Kedua di Universiti Seberang Laut.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam menetapkan tempoh biasiswa kepada pemegang-pemegang biasiswanya, Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam surat tawaran kemasukan ke universiti di luar/dalam negeri yang diterima oleh pelajar-pelajar. Dasar ini juga dilaksanakan ke atas para lulusan diploma dari institusi pengajian tinggi tempatan yang telah mendapat tawaran biasiswa tetap daripada Jabatan ini.

Dalam membuat dasar mengenai biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mengambil kira segala pandangan-pandangan yang dimajukan oleh semua pihak kepadanya.

HUKUMAN MATI – PENGEDAR DADAH

42. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak Akta Penyalah Gunaan Dadah Pindaan yang baharu dilaksanakan berapa ramai mereka yang melanggar peraturan ini yang telah di kenakan hukuman mati.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Semenjak Akta Dadah Berbahaya, 1952 dipinda pada bulan April 1983 yang mengenakan hukuman mati mondatori (wajib) terhadap mereka yang disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah, seramai 4 orang telah dikenakan hukuman gantung dibawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983.

PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

43. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa imbalan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara maju adalah merugikan negara kita umpamanya dalam pemasaran bijih yang mengakibatkan banyak lombong terpaksa ditutup kerana harga bijih di pasaran dunia tidak stabil; jika ya apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-Haj: Kementerian saya memang sedar bahawa negara kita telah mengalami kekurangan dalam imbalan perdagangannya dengan beberapa buah negara maju yang juga merupakan rakan dagangan utama Malaysia, seperti Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom dan lain-lain. Bagaimanapun disebalik keadaan ini, Malaysia telah memperolehi lebihan perdagangan dengan beberapa buah negara maju yang lain seperti Belanda, Russia, Belgium, Denmark, Greece dan lain-lain.

Imbalan perdagangan luar Malaysia haruslah juga diteliti dalam perspektif yang lebih menyeluruh dan dalam hubungan ini didapati bahawa Malaysia telah dapat memperbaiki imbalan perdagangannya dari kekurangan sebanyak 859.2 juta ringgit pada tahun 1982, kepada lebihan sebanyak 2,107.2 juta ringgit pada tahun 1983. Ini adalah hasil daripada pertambahan nilai pendapatan eksport negara sebanyak 16.7 peratus iaitu

berjumlah 32,828.3 juta ringgit, berbanding dengan impot sebanyak 30,721 juta ringgit, serta pengukuhan harga beberapa jenis bahan utama dipasaran dunia seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu bergergaji, koko dan lada hitam.

Kerajaan adalah sentiasa mengambil tindakan yang konkrit untuk memperbaiki imbalan perdagangan dengan negara-negara berkenaan, disamping berusaha mengatasi masalah kejatuhan harga barangan utama eksport Malaysia. Kerajaan terus berusaha mempelbagaikan barangan eksport negara supaya tidak terlalu bergantung kepada eksport bahan-bahan utama, serta meluaskan pasaran barangan Malaysia ke pasaran-pasaran baru. Antaranya termasuklah aktiviti-aktiviti penghantaran rombongan perdagangan dan pamiran ke negara-negara berkenaan, mengadakan rundingan-rundingan dua hala, memperkenalkan perdagangan secara 'counter trade' dan sebagainya.

Mengenai masalah penutupan lombong-lombong bijih timah sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah dinyatakan bahawa ianya bukanlah semata-mata berpunca daripada ketidakstabilan harga bahan itu di pasaran dunia, tetapi adalah juga disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia, kandungan bijih yang berkurangan di lombong, penamatan tempoh pajakan lombong dan sebagainya. Bagi bijih timah umpamanya Malaysia bersama-sama negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) dan penyertaan didalam Perjanjian Timah Antarabangsa telah melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk menstabil harga dengan mengadakan stok penimbal dan kawalan eksport.

PEKERJA INDONESIA KE MALAYSIA

44. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

apakah hasil "Perjanjian lintas sempadan dan pengambilan tenaga pekerja Indonesia" baru-baru ini dan berapa ramaikah pekerja Indonesia yang telah bekerja di Malaysia dan nyatakan apakah faedah yang didapati oleh rakyat Malaysia dalam perkara ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan mengenai Perjanjian Lintas Sempadan telahpun saya berikan semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom pada hari ini.

Jawapan kepada soalan mengenai Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja antara Malaysia dengan Indonesia telah juga saya berikan pada 30 Julai 1984 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

TV3 - TAPISAN FILEM

45. Tuan Mohd Yusoff bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil bagi menapis semua rancangan TV 3 mulai sekarang memandangkan bahawa terdapatnya babak-babak 'seks liar' yang bertentangan dengan tatasusila orang-orang Timur dan Ugama Islam.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pada masa ini, Lembaga Penapis Filem sedang dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi menapis filem-filem siaran TV 3 supaya ianya selaras dengan nilai-nilai Islam dan moral masyarakat Malaysia.

LORI PENGANGKUT SAMPAH

46. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lori-lori pengangkut sampah secara kontrak dalam kawasan Bandaraya di samping memungut dan

mengangkut sampah sarap tidak pula mengawal sampah sarap tersebut dan membiarkan sampah sarap tersebut bertaburan dari lori-lori dan mengotorkan kawasan-kawasan lain.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Kontraktor-kontraktor yang ada sekarang kebanyakannya kontraktor kecil dan tidak mampu mengadakan lori-lori khas pemungutan sampah seperti kompaktor, tetapi hanya menggunakan lori-lori terbuka. Lori-lori terbuka ini memang tidak sesuai termasuk kemungkinan sampah tercicir.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Bandar telah mengeluarkan arahan supaya lori-lori terbuka itu ditutup dengan tanpolin/kanvas. Jika didapati tidak bertutup dan sampah tercicir mereka boleh disaman.

Bagi kontraktor-kontraktor baru, mulai 1985 lori-lori terbuka tidak lagi dibenarkan kecuali bagi sampah jenis tin. Semua kontraktor perlu menggunakan lori-lori bertutup jenis kompaktor dan lain-lain.

IKLAN JAWATAN KOSONG

47. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah iklan bagi jawatan kosong hanya dimuatkan diakhbar dalam Bahasa Malaysia saja dan sama dan iklan berkenaan boleh disiarkan di dalam semua akhbar tempatan termasuk dalam Bahasa China dan juga Tamil.

Dato' Mohamed Khalili bin Yaakob: Amalan menyiarkan iklan jawatan kosong dalam akhbar Bahasa Malaysia adalah selaras dengan kedudukan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara.

JALANRAYA MUAR – YONG PENG

48. Dato' G. Pasmanickam minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama

ada beliau sedar bahawa jalanraya yang menghubungkan Muar dan Yong Peng didapati kerap benar rosak dan tidakkah ada perancangan dan usaha-usaha untuk membaiki atau mengetar jalan tersebut agar keadaan jalan itu menjadi kukuh dan sempurna.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalanraya Muar-Yong Peng adalah sebatang Jalan Negeri dan ia terletak dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Johor. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor telah memperolehi peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk memperbaiki jalan tersebut itu dan pada masa ini, kerja-kerja memperbaiki yang menelan belanja lebih kurang \$800,000/- sedang dijalankan.

PEKERJA INDONESIA KE MALAYSIA

49. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kementerian Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab utama mengimpot buruh dari Indonesia diamalkan oleh Malaysia serta implikasinya terhadap perkembangan sosial dan ekonomi kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan mengenai Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja antara Malaysia dengan Indonesia telah saya berikan pada 30 Julai 1984 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

TOL LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/SEREMBAN DAN KUALA LUMPUR/KARAK

50. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah sebabnya kutipan tol jalan

dibuat di dua tempat di antara satu Lebuhraya misalnya di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dan bukannya lebih menjimatkan perbelanjaan dan kakitangan kalau dibuat satu kutipan tol sahaja pada satu-satu jalan Lebuhraya seperti di Tol Slim River.

Dato' S. Samy Vellu: Kutipan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dibuat di dua tempat adalah kerana sebab-sebab berikut:-

- (i) Untuk memastikan bayaran tol ke atas pengguna-pengguna Lebuhraya-lebuhraya berkenaan lebih adil. Ini adalah kerana mereka yang menggunakan hanya sebahagian daripada Lebuhraya itu hanya dikenakan bayaran tol untuk bahagian yang mereka gunakan sahaja.
- (ii) Untuk mengelakkan kehilangan hasil tol yang besar. Ini adalah kerana jika kutipan tol dibuat disatu tempat sahaja, sebahagian daripada pemandu-pemandu yang hanya menggunakan sebahagian daripada lebuhraya itu akan dapat mengelak dari membayar tol. Umpamanya, jika tempat kutipan tol berhampiran dengan Bentong di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak tidak didirikan, pemandu-pemandu dari Pahang menuju ke Genting Highlands akan dapat menggunakan lebuhraya itu tanpa membayar tol.

Mengenai Lebuhraya Slim River – Tanjong Malim yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa kutipan tol di lebuhraya ini, hanya dibuat di satu tempat oleh kerana lebuhraya tersebut hanya sepanjang 24km sahaja dan tidak terdapat pusat pembangunan yang besar disepanjang lebuhraya itu yang mendorong pengguna Lebuhraya itu hanya menggunakan sebahagian daripadanya. Oleh itu, kutipan tol di satu tempat adalah memadai kerana ini

tidak akan mengakibatkan kehilangan hasil tol yang besar.

IMPORT LEMBU DARI THAILAND

51. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa syarat-syarat untuk mengimpor lembu dari Thailand adalah terlalu ketat, tetapi tidak pula begitu ketat dari negara-negara lain.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Syarat-syarat mengimpor lembu hidup dari Thailand adalah terlalu ketat berbanding dengan negara-negara lain seperti Australia dan New Zealand kerana Thailand tidak bebas dari beberapa penyakit ternakan seperti penyakit kuku dan mulut yang amat merbahaya. Manakala negara-negara lain seperti Australia dan New Zealand adalah bebas sepenuhnya dari penyakit-penyakit tersebut.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG – ROMBAKAN

52. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa tugas Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian tidak selaras di mana telah membantu pembangunan pertanian di sesuatu kawasan; jika sedar adakah pihak Kementerian bercadang untuk merombak tugas-tugas LPP dan lain-lain agensi di bawah Kementeriannya bagi memastikan ia benar-benar berkesan serta mampu memberi faedah kepada petani-petani.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Seperti Yang Berhormat maklum, LPP yang ditubuhkan dalam tahun 1973 adalah bertujuan untuk memaju dan menyelaras pergerakan Pertubuhan Peladang seluruh negara. Dalam tahun yang sama Parlimen meluluskan Akta Pertubuhan Peladang, membolehkan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Peladang yang merupakan Badan yang dibentuk oleh para peladang sendiri untuk

membaiki dan memajukan pertanian mereka.

Sebagai satu badan swasta Pertubuhan Peladang (PP) memang digalakkan menjalankan aktiviti-aktiviti pengeluaran pertanian, pengedaran dan jualan baja, kredit pertanian, kejenteraan ladang (trektor PP sendiri), dan pemasaran. Pihak LPP pula tidak menjalankan tugas-tugas ini melainkan perkhidmatan kejenteraan. Tugas-tugas LPP adalah untuk membantu PP dengan menempatkan kakitangan LPP di PP untuk mengendalikan pengurusan PP sehingga PP boleh berdikari.

Oleh itu fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Agensi-agensi Kerajaan tidak bercanggah antara satu sama lain. Kementerian Pertanian mengadakan berbagai usaha untuk menyelaraskan tugas-tugas semua agensi di bawahnya. Kementerian Pertanian menerusi Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), dan menerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja dan Perancangan di semua peringkat menyelaraskan tugas-tugas ini. Oleh itu Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian tidak perlu dirombak, mungkin sekadar diperkukuhkan sahaja.

HARGA GETAH ASLI DI PASARAN

53. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga getah asli di pasaran dunia masih tidak stabil dan sentiasa turun naik di paras yang belum memuaskan; jika sedar apakah usaha-usaha positif Kerajaan bagi mengatasi kedudukan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Persoalan seperti ini telahpun dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 30 Julai 1984, semalam. Oleh yang demikian saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

3.37 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta Untuk Meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, Negeri Melaka tidak mempunyai kawasan tanah yang dikhaskan penggunaannya untuk orang-orang Melayu atau dirizabkan untuk orang-orang Melayu sebagaimana di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian Enakmen Perizapan Melayu tidak pernah terpakai bagi Negeri Melaka. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ada peruntukan mengenai Tanah Adat Melaka, (dengan izin, "Malacca Customary Land"). Sama juga keadaannya dengan tanah rizab Melayu di negeri-negeri Semenanjung, Tanah Adat Melaka ini boleh dimiliki hanya oleh orang-orang Melayu sahaja.

Masalah yang dihadapi di Negeri Melaka pada masa ini berhubung dengan Tanah Adat Melaka ini ialah kawalan ke atas tanah-tanah tersebut tidak dapat dilakukan dengan berkesan mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

Peruntukan Seksyen 108 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, tidak membenarkan Tanah Adat Melaka dipindah milik

(dengan izin, "transfer"), dipajak (dengan izin, "lease"), diturun milik (dengan izin, "transmit") kepada orang-orang bukan Melayu. Dalam pada itu peruntukan undang-undang yang ada sekarang tidak pula menyekat tanah tersebut itu dicagarkan kepada orang bukan Melayu atau memberi perwakilan kuasa (dengan izin, Power of Attorney), mengikut perjanjian dan sebagainya.

Akibat kelemahan peruntukan undang-undang yang sedia ini, maka pihak Kerajaan Negeri Melaka telah dapat mengesan tidak kurang 360 hektar Tanah Adat Melaka yang telah digadai kepada orang-orang bukan Melayu dan pada hakikat sebenarnya telah tidak dapat ditebus kembali, dan pemegang-pemegang gadaianya seolah-olah telah menjadi pemilik tanah yang berkekalan.

Keadaan ini berlaku oleh kerana peruntukan undang-undang yang ada tidak dapat menghalang sekiranya pemilik tanah bercadang untuk melepaskan tanahnya menerusi cara-cara yang dinyatakan tadi iaitu melalui cagaran, Perwakilan Kuasa, mengikut perjanjian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Tanah Adat Melaka juga dari semasa ke semasa telah terlibat dengan berbagai projek Kerajaan yang menyebabkan kawasan tanah itu perlu diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Apabila tanah yang berkenaan diambil balik oleh Kerajaan untuk projek-projek tersebut, kawasan tanah yang terlibat dengan sendirinya tidak lagi mempunyai status Tanah Adat Melaka di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963. Di samping itu sekiranya Kerajaan Negeri Melaka mengambil tindakan undang-undang untuk merampas tanah kerana melanggar syarat atau tidak menjelaskan hasil tanah, maka status tanah yang berkenaan juga terkeluar dari Tanah Adat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kemungkinan kawasan Tanah Adat Melaka ini semakin berkurangan dan penggunaan dengan sewenang-wenangnya oleh orang-orang bukan Melayu sehingga boleh menyulitkan usaha untuk memajukan kawasan tanah itu secara disatukan dalam satu skim yang menyeluruh selaras dengan konsep-konsep pembangunan moden yang bertujuan untuk mendapatkan faedah yang maksima dan berekonomik dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi pemilik-pemilikinya, maka Kerajaan Negeri Melaka berpendapat peruntukan yang ada di dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 hendaklah dipinda khususnya peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan:-

- (i) Takrif Melayu di dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963;
- (ii) Memperluas atau memperkemaskan sekatan kepentingan supaya ianya lebih jelas, tepat dan tidak dimanipulasikan;
- (iii) mengekalkan taraf Tanah Adat Melaka yang telah dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (iv) Memberi kuasa kepada pemilik-pemilik Melayu yang lainnya supaya boleh memohon menjadikan tanahnya sebagai Tanah Adat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini perlulah juga dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, tujuan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 bukanlah bermakna untuk menyekat Tanah Adat Melaka dari dimajukan mengikut konsep-konsep pembangunan moden. Sebaliknya pindaan yang dicadangkan ini juga telah mengadakan peruntukan untuk membolehkan pemilik-pemilik tanah mencagarkan tanah tersebut kepada badan-badan kewangan yang telah

ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, sekiranya pemilik-pemiliknya bertujuan untuk mendapat pinjaman modal untuk memajukan tanahnya. Oleh yang demikian, tidaklah timbul persoalan mengenai Tanah Adat Melaka akan tertinggal dari dibangunkan sebagaimana tanah-tanah lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menghuraikan pindaan-pindaan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang dicadangkan seperti berikut:

- (a) Takrif "Melayu" atau dengan izin, "Malay" akan diberi penjelasan yang lebih tepat, dengan izin "restrictive".
- (b) Takrif Pihakberkuasa Negeri atau dengan izin, "State Authority" akan diterangkan dengan lebih detail dan jelas. "State Authority" akan bermakna dengan izin, "The Yang di-Pertua Negeri of the State who shall act in accordance with the advice of the State Executive Council or a member thereof acting under the general authority of the Council."
- (c) Pindaan untuk menggantikan perkataan "Governor" dengan perkataan "State Authority" dalam Bab VIII Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 selaras dengan pentafsiran Pihak Berkuasa Negeri.
- (d) Pindaan untuk meluaskan sekatan kepentingan supaya termasuk penggadaian, pengjuduan "lien", pendaftaran caveat, pengjuduan amanah dan perletakan hak menurut pemberian probet dan surat mentadbir pusaka. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa mengecualikan mana-mana orang atau badan daripada sekatan tersebut sekiranya orang

atau badan itu diwartakan di bawah Jadual Keenam.

- (e) Pindaan untuk mengekalkan taraf Tanah Adat Melaka yang telah dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya tidak hilang status Tanah Adat Melakanya. Dengan yang demikian, Tanah-tanah Adat Melaka yang telah dirampas boleh diberi milik kepada orang atau badan lain melalui peng wartaan di bawah Jadual Ketujuh.
- (f) Pindaan untuk memberi kuasa kepada tuan tanah memohon supaya tanahnya dijadikan sebagai Tanah Adat Melaka. Dengan adanya peruntukan ini, jumlah Tanah Adat Melaka boleh bertambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kembali kepada cadangan pindaan-pindaan yang telah saya huraikan di atas, maka dapatlah dikatakan pada keseluruhannya Rang Undang-undang yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, memperakukan pindaan-pindaan untuk memperkemas dan memperlengkapkan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 supaya ianya lebih memudahkan lagi pentadbir-pentadbir tanah dan pemilik-pemilik tanah menguruskan Tanah-tanah Adat Melaka selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan dan Dasar Ekonomi Baru. Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini pengawalan dan pengurusan Tanah Adat Melaka akan dapat diperkemas dan dimajukan secara menyeluruh mengikut konsep-konsep pembangunan moden dan taraf sosio-ekonomi pemilik-pemilik tanah dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ungkapan ini, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.56 ptg.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk mengambil bahagian, mungkin bersama-sama dengan rakan-rakan berhubung dengan suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjelaskan lebih lanjut, saya cuma ingin menarik perhatian bahawa pada mulanya apabila saya menerima Peraturan Mesyuarat hari ini, telah saya menjangkakan masalah Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini mungkin dibahaskan atau dikemukakan pada hari Khamis atau Jumaat tetapi apabila sampai di sebelah petang ini maka agenda yang nombor sembilan telah bertukar kepada agenda yang pertama iaitu yang dibentangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Akta Pindaan Undang-undang yang telah dibentangkan ini cuma ada dua perkara yang saya ingin mengambil perhatian sungguh-sungguh selain daripada yang dibentangkan di dalam Akta ini.

Yang Pertama, sebagaimana yang tercatat di muka surat 5 yang dimaksudkan 'gadaian' tercatat kepada 12 fasal sebagaimana yang tertulis di Seksyen 108 dan mukasurat 6 yang boleh dimajukan kepada 6 bahagian-bahagian seperti Majlis Amanah Rakyat, Majlis Ugama Islam Melaka dan sebagainya. Dalam hakikat

ini kita menyedari dengan adanya Akta ini maka saya merasai Tanah Adat Melaka tidak akan berhabisan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian di dalam Dewan yang mulia ini apabila kita mengatakan Tanah Adat Melaka tidak syak lagi adalah tanah kepunyaan Melayu yang tidak boleh ditukar milik kepada sesiapaupun sebagaimana yang telah dibentangkan tadi. Tetapi apa yang diterangkan sebentar tadi dan apa yang saya ketahui Tanah Adat Melaka ini akan berkurangan dari semasa ke semasa. Dan kalau misalnya Tanah Adat Melaka ini dan kita telah bersama-sama dengan negeri-negeri lain, maka tidakkah boleh kita menyamakan semua tanah-tanah yang dikelas-kelaskan di negeri Melaka itu sama dengan tanah-tanah di negeri-negeri lain?

Dalam hal ini yang saya terangkan tadi dua aspek besar yang Tanah Adat Melaka ini berkurangan. Yang Pertama selalu kita dapati Tanah Adat Melaka ini diambil oleh Kerajaan seperti untuk membuat sekolah, industri dan lain-lain lagi. Maka dengan keadaan begini dari semasa ke semasa kemungkinan di satu masa akan datang Tanah Adat Melaka ini ataupun tanah kepunyaan Bumiputera akan berkurangan dari semasa ke semasa. Dan sebagaimana yang dibentangkan seluas 360 hektar Tanah Adat Melaka telah digadaikan kepada pihak-pihak yang tertentu sama ada pihak perseorangan dan sebagainya.

Berasaskan daripada pengambilan Tanah Adat Melaka ini dibuat sekolah dan industri maka saya menyarankan apakah tidak boleh dibuat supaya tanah Adat Melaka yang diambil untuk sekolah dan sebagainya maka dimestikan Kerajaan Negeri menggantikan balik Tanah-tanah Adat Melaka yang diambil itu kepada tuanpunya tanah yang nilainya sama dengan tanah yang diambil. Kalaulah misalnya Tanah Adat Melaka ini diambil, mungkin

tanah itu nilai tinggi kerana berhampiran dengan bandar ataupun di pinggir bandar tetapi diberikan satu kawasan tanah yang jauh daripada bandar maka nilai harga tanah yang diambil itu biarlah sama dengan nilai tanah yang digantikan kepada Tanah Adat Melaka ini.

Selain daripada itu, berhubung dengan Tanah Adat Melaka ini dalam masa belakangan ini Kerajaan Negeri setengah daripadanya telah menjalankan projek-projek perumahan dan kadang-kadang ada dalam masa-masa yang tertentu sehingga 100% kawasan tanah yang diambil daripada Tanah Adat Melaka ini dijadikan tanah perumahan. Dan daripada Tanah Adat Melaka ini ditukarkan kepada tanah lease iaitu kadang-kadang dilease selama 99 tahun. Ini juga akan mengurangkan lagi tanah kepunyaan bumiputra yang diambil dijadikan tanah kawasan perumahan dan dijadikan tanah lease dan tanah itu dibangunkan buat perumahan dibahagikan kepada sesiapa sahaja. Kadang-kadang dalam pembahagian itu pada asalnya 100% daripada Tanah Adat Melaka ini apabila dibahagikan kawasan perumahan sehingga menjadi 40% atau 45% daripada kawasan tanah perumahan itu diberikan kepada orang bumiputera dan selebihnya kepada orang bukan bumiputera. Berasaskan kepada pengambilan ini maka satu lagi aspek yang boleh mengurangkan Tanah Adat Melaka ini akan sampai kepada bukan Bumiputra.

Dengan ini, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan telah sampai masanya sebarang pengambilan Tanah Adat Melaka maka mestilah digantikan kepada tanah-tanah lain berasaskan Tanah Adat Melaka dan kalau pun dikehendaki pengambilan tanah itu dijadikan kawasan perumahan kalaulah keseluruhan keluasan 100% daripada Tanah Adat Melaka maka hak itu perlulah diberikan keseluruhannya kepada Bumiputra walaupun di mana mereka tinggal khususnya dalam negeri Melaka.

Selain daripada itu kita sedar juga kebanyakan tanah-tanah di pinggir Bandar Melaka ataupun di luar-luar bandar dan setengahnya di kampung-kampung telah digadaikan kepada ahli perseorangan atau syarikat-syarikat yang tertentu dan kadang-kadang mereka tidak menyewa, setengah dari orang kita misal mempunyai tanah katalah misal satu hektar atau setengah hektar telah dibuat kawasan perumahan atau rumah persendirian dan boleh lagi dibuat satu atau dua rumah lagi. Tetapi dengan senyap-senyap tanah itu telah disewakan kepada orang lain, maksudnya bukan Bumiputra dan dianggap sebarang sewaan tanah yang didirikan rumah untuk kediaman maka kita merasai tanah itu tidak akan kembali lagi kepada tuanpunya tanah.

Jadi, dengan hakikat ini kebanyakan tanah-tanah di pinggir-pinggir bandar telah disewa atau digadaikan kepada bukan Bumiputera tetapi walau pun diperkatakan tanah ini digadaikan saya merasai bahawa sampai bila pun tidak akan dapat diambil balik.

Berdasarkan tanah yang digadaikan yang tidak dapat diambil balik maka saya menekankan di sini supaya pihak Kerajaan dapat membuat suatu Akta ataupun meminda Akta sebarang tanah yang telah digadaikan selepas daripada 10 tahun Akta ini diluluskan segala gadaai itu terbatal dengan sendirinya. Jadi, dengan adanya gadaian yang telah lalu dan pembatalan yang telah lalu serta pengambilan tanah dan digantikan semula maka saya rasa Tanah Adat Melaka ini tidak akan berkurangan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya menyokong berhubung dengan Rang Undang-undang ini, sekianlah sahaja yang dapat saya sampai dalam Dewan ini.

4.04 ptg

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun ialah untuk menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara iaitu hakmilik Pulau Pinang dan Melaka yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa di Melaka boleh dikatakan sebuah negeri yang kecil dalam Malaysia ini tetapi sekarang pembangunan pesat berjalan. Maka dengan sebab itu beberapa banyak tanah khususnya tanah-tanah MCL ataupun Tanah Adat Melaka ini diambil oleh Kerajaan yang tidak menggantikan dengan tanah yang lain menyebabkan tanah MCL Latan Tanah Adat Melaka ini makin lama semakin berkurangan lebih-lebih lagi setengah daripada tanah yang disebutkan tadi lebih kurang 360 hektar yang masih telah tergadai yang telah digunakan oleh pihak lain yang bukan Bumiputra untuk membangunkan rumah-rumah dan juga projek-projek lain yang mungkin tidak dapat diambil balik. Rasa saya patut pihak Kerajaan mengadakan satu undang-undang, peraturan supaya memberi tahu semua orang-orang Bumiputra yang mempunyai tanah MCL atau Tanah Adat ini tidak boleh disewakan atau dipajak ataupun digadaikan kepada yang bukan Bumiputra supaya peraturan ini dapat diikuti oleh rakyat sepanjang masa dan tidaklah berlaku sepertimana yang telah lalu kerana menghadapi kesesakan, almaklum sahaja orang Melayu terutama sekali kawasan bandar yang hidupnya boleh dikatakan kemiskinan terpaksa mencari wang walaupun ada sekeping tanah, terpaksa digadaikan untuk mendapatkan wang.

Jadi, satu daripada caranya saya rasa untuk menambahkan tanah akan jadi tanah MCL atau Tanah Adat Melaka ini iaitu pada masa sekarang saya dapat tahu bahawa ada tanah-tanah lease yang disewakan ataupun tanah TOL yang disewakan kepada orang-orang. Ada yang 10 tahun, ada yang 30 tahun, ada yang 60 tahun tetapi tanah-tanah

lease ini tidak diketahui oleh orang ramai terutama sekali bumiputra. Kebanyakan yang mengambil tanah-tanah lease ini ialah orang bukan Bumiputra. Sepatutnyalah apabila tanah lease ini sudah cukup tempuhnya 30 tahun, 60 tahun, 99 tahunkah supaya dihabiskan atau diisytiharkan dalam akhbar supaya orang ramai tahu dan orang ramai boleh memperolehi atau memohon tanah ini semula, terutama sekali Bumiputra supaya menambah lagi tanah Bumiputra ini menjadi hakmilik Bumiputra pada masa akan datang.

Jadi, saya rasa satu peraturan patutlah dibuat supaya tanah-tanah lease yang sudah cukup tempoh ini supaya diiklankan atau diisytiharkan dalam akhbar supaya dapat dibaca oleh umum dan akan dapat Bumiputra memperolehi tanah yang telah habis tempoh leasenya itu.

Jadi, dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

4.00 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan untuk meluluskan suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang mana huraiannya telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Begitu juga pandangan daripada Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya berhubung dengan tanah adat Melaka dan juga Pulau Pinang iaitu di pekan besar di Pulau Pinang dan Melaka yang mana kita lihat begitu banyak hanya dapat dikesan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu 360 hektar lebih kurang tanah yang tergadai kepada yang bukan bumiputera masih belum dapat diambil. Kalau kita pandang di Melaka, kita pergi di Melaka di mana celah-celah sahaja kawasan

orang Melayu banyaklah orang yang bukan Melayu yang menduduki tanah-tanah orang Melayu sendiri iaitu cara-caranya saya rasa adalah cara gadai kepada bukan bumiputera ini.

Bagi mengatasi masalah-masalah ini saya berpendapat apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini mengikut Akta ini belum kita terlambat lagi bagi mengekalkan hak tanah-tanah orang Melayu khasnya di kawasan-kawasan bandar. Sungguhpun dalam Akta ini bagi membincangkan tanah hak bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang tetapi kita juga mesti pandang tanah-tanah kepunyaan kaum bumiputera di negeri-negeri lain yang mana telah tergadai kepada kaum-kaum bukan bumiputera. Gadaian itu telah dibuat kadangkala berpuluh-puluh tahun yang mana orang yang menggadainya dahulu itu pun telah meninggal sama ada datuk-datuk mereka dahulu telah tergadai kepada kawan-kawan karib sehingga sekarang susah hendak diambil balik kerana di tanah-tanah itu telahpun didirikan rumah yang begitu besar iaitu rumah batu.

Ada yang celek sedikit daripada waris-warisnya ini hendak menuntut balik tetapi tidak dapat. Kalau hendakkan tanah-tanah ini balik, terpaksa orang-orang yang menyewa tanah itu hendak menuntut beratus-ratus ribu ringgit kepada ampunya tanah. Ini juga patut dapat diatasi oleh pihak Kerajaan kerana kalau masalah ini, tuntutan ini dikehendaki oleh orang yang menumpang tanah itu beratus-ratus ribu ringgit, bagaimana cara-caranya tanah ini dapat balik kepada kaum bumiputera ataupun hakmilik adat Melaka ataupun Pulau Pinang atau di negeri-negeri lain.

Saya mencadangkan ataupun mengesyorkan agar pihak Kerajaan bagi menetapkan hak bumiputera ini kita tidak menzalimi ataupun kita tidak bermusuhi kepada bangsa-bangsa lain. Apa yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini ialah bagi kepentingan kaum

bumiputera yang mana lama kelamaan tanah sedikit demi sedikit telahpun tergadai. Umpamanya, di Kuala Lumpur ini sahaja di belakang Federal Hotel, Merlin Hotel, Hilton Hotel dan sebagainya adalah kepunyaan bumiputera dahulu, tetapi oleh kerana tergadai dengan \$200/\$300, sekarang harganya berjuta-juta ringgit, sekaki sampai \$450. Kaum keluarga yang ada hanya melihat kerana yang punya tanah telahpun ditukar hakmilik, hanya menceritakan itu tanah hakmilik datuk nenek aku dahulu tetapi untuk merasai nikmatnya tidak dapat. Oleh itu, dalam keadaan ini bagi menjaga adat tanah orang Melayu ini, saya rasa kepada tanah-tanah yang telahpun tergadai kepada kaum bukan bumiputera supaya dapat diambil balik dengan cara Kerajaan membuat undang-undang supaya diberi tempoh dalam masa mengikut Dasar Ekonomi Baru 1990 untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru 30%.

Saya rasa kita tidak terlambat sungguhpun Rang Undang-undang ini kita akan luluskan kemungkinan kita akan pinda, pindaan akan dibuat, menjelang tahun 1990 semua tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang telah tergadai kepada bangsa-bangsa lain dengan sendirinya tanah-tanah itu balik kembali kepada yang punya tanah, tidak payah lagi hendak pergi ke mahkamah, tidak payah lagi hendak mencari siapa yang membuat perjanjian dahulu, oleh kerana kita dapat mengatasi masalah ini. Kalau hanya kita buat undang-undang begini sahaja, sehingga ke hari ini banyak lagi tanah-tanah di Melaka oleh kerana budi begitu lama kepada kawan-kawan yang bukan bumiputera hendak mengambil balik tanah itu bukan main susah lagi.

Perkara itu terjadi kepada keluarga saya sendiri sehingga ke hari ini susah untuk mendapatkan balik kerana mereka menuntut beratus-ratus ribu ringgit sedangkan tanah itu mereka telah duduk bertahun-tahun, hanya dengan bayaran yang dibuat oleh datuk nenek dahulu hanya \$3.00 atau \$4.00

setahun sahaja untuk membayar cukai pun tidak cukup buat masa ini. Oleh itu dalam keadaan inilah yang merumitkan orang-orang kampung yang mana mereka ini tidak ada duit, tidak tahu hendak pergi ke mahkamah dan sebagainya masalah ini tinggal begitu sahaja.

Soal yang lain di Melaka saya lihat ialah banyak juga tanah-tanah kepunyaan bumiputera – orang Melayu yang di tengah-tengah pekan yang mana ada kaum-kaum yang sekarang ini pandai mengambil alih iaitu cara joint-venture ataupun usahasama yang mana saya tahu ada tanah hendak dibuat rumah.

Umpamanya, ada kaum-kaum yang pandai untuk memberi iaitu umpamanya 10 buah kedai didirikan di kawasan tengah-tengah bandar Melaka, orang yang mengusahakan akan dapat 7 buah, yang punya akan dapat 3 buah. Oleh itu, di sini saya ingin bertanya bagaimanakah keadaan tanah itu nanti kerana 3 buah akan diberi kepada tuan tanah dan 7 buah akan dijual kepada orang-orang yang membelinya. Oleh itu, dengan keadaan ini tanah yang dipunyai oleh orang Melayu tadi hanya tinggal sebahagian sahaja, yang lain akan dijual. Ini juga kita hendak bertanya bagaimana keadaan ini akan berlaku kepada tanah-tanah sungguhpun pihak Kerajaan pada hari ini hendak menggalakkan bumiputera memajukan tanah-tanah mereka di dalam bandar, tetapi dengan keadaan ini kerana orang Melayu tidak ada duit terpaksa diadakan usahasama. Orang yang hendak membuat projek itu pun tidak mencukupi duit, hanya mereka itu mencari tanah tanpa beli, hanya dengan usahasama, hanya mereka dapatkan duit daripada bank selepas itu yang punya tanah dapat 3 buah kedai, yang 7 buah lagi akan dijual kepada bangsa-bangsa lain. Tanah ini juga lama kelamaan kalau cara ini juga diamalkan, saya rasa tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di pekan-pekan, khasnya di Melaka yang sebagaimana kita bincangkan ini juga

akan hilang dalam keadaan kita berjuang untuk kepentingan ini, sedikit demi sedikit tanah ini akan hilang, akan pergi dengan cara yang lain, akan terlepas kepada tangan bangsa lain.

Soal pengambilan tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah kaum Bumiputera, kaum Melayu sama ada di Melaka ataupun di negeri-negeri lain, ini juga untuk kepentingan negara bagi kemajuan untuk sekolah, membuat jalan, klinik dan sebagainya. Ini kita tidak bolehlah nafikan. Ini bukan untuk kepentingan perseorangan tetapi untuk kepentingan ramai, untuk kepentingan umum. Tetapi dalam masalah ini juga pihak Kerajaan harus memikirkan apabila mengambil tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang mana tanah-tanah kepunyaan orang Melayu, tahu sahajalah hanya 1 ekar, $\frac{1}{4}$ ekar ataupun $\frac{1}{2}$ ekar ataupun hektar, apabila telah diambil hanya sebahagian sahaja, kononnya ini hanya laluan untuk jalan, hanya sebahagian sahaja terkena. Kalau tanah itu $\frac{1}{2}$ hektar ambil setengah tinggalah setengah lagi ataupun kadang-kadang $\frac{3}{4}$ hektar diambil tinggal sedikit sahaja lagi, ini pun ditinggalkan begitu sahaja. Tanah yang tinggal ini tadi pihak yang punya tanah hendak dirikan rumah pun tidak boleh, apa pun tidak boleh sehinggalah tanah itu terbiar begitu sahaja.

Di sini juga pihak Kerajaan harus memikirkan janganlah benda yang diambil sahaja, yang di kiri kanan dipedulikan. Oleh itu saya mengesyorkan supaya kalau Kerajaan hendak mengambil tanah kalau sedikit lagi tinggal itu ambil semuanya sekali, jangan ditinggal-tinggalkan. Ini adalah menyusahkan kepada tuan-tuan yang punya tanah dan di samping itu juga harga-harga tanah ini mestilah ditaksirkan ataupun mengikut harga pasaran, jangan kita hendak buat jalan hanya ambil \$1.20 ataupun \$3.00 sekaki tetapi di sebelah jalan lagi sampai \$10, \$15 ataupun \$100 oleh kerana yang ini tanah-tanah akan terkorban.

Dalam masalah ini juga pihak Kerajaan kadangkala juga yang terjadi di Kuala Lumpur dahulu, kemungkinan sekarang telah pun kita memperjuangkan, iaitu banyak kawasan-kawasan yang diduduki oleh orang-orang Melayu, ada sahaja projek-projek hendak dijalankan di kawasan itu sedangkan tanah-tanah yang luas yang bukan dipunyai oleh kaum Bumiputera tidak diambil; apa sebab? Buat jalan di situ sedangkan di sebelahnya ada kawasan yang lapang. Dalam masalah ini juga pihak Kerajaan harus ataupun pihak arkitek, jurutera ataupun pihak-pihak yang berkenaan dan sebagainya, pihak Pejabat Tanah, pihak Town Planner – Perancang Bandar, Jalan, JKR dan sebagainya haruslah kalau boleh tanah-tanah kalau ada yang disebelahnya itu tanah yang lebih luas janganlah tanah yang kecil itu dilalui, biar tinggalkan tanah itu untuk kaum Bumiputera dan kalau sekiranya hendak diambil juga, tidak ada jalan yang lain mestilah juga tanah itu diganti dengan harga yang sama dengan tanah yang diambil, sama ada dia jauh ataupun dekat dalam kawasan yang tersebut.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, sungguhpun perkara ini nampaknya dipandang oleh Kerajaan begitu kecil mengikut tafsiran yang di akhir sekali yang mengatakan pindaan-pindaan lain adalah berbangkit dan kecil sahaja iaitu dalam masalah ini kita tidak boleh pandang kecil sahaja oleh kerana tanah adalah menjadi tempat tinggal ataupun tempat manusia hidup. Manusia tidak boleh selama-selamanya duduk di awang-awangan, duduk macam kapal terbang, tidak boleh, mesti jejak di tanah. Oleh itu dalam keadaan ini mestilah pihak Kerajaan memandang berat dalam keadaan tanah-tanah hak kepunyaan kaum Bumiputera sama ada di Melaka, Pulau Pinang dan di pekan-pekan besar yang lain dan begitu juga tanah-tanah yang ada terpencil seperti di kampung-kampung juga sekarang ini banyak tanah-tanah ini yang digadai kepada

kaum-kaum lain yang susah juga untuk diambil balik kerana mereka ini lebih pandai, mereka telah pun mendirikan rumah sebagaimana yang saya katakan tadi dan tanam dengan tanam-tanaman yang begitu besar seperti durian dan sebagainya, susah hendak diambil balik. Oleh itu sepertimana yang saya syorkan tadi supaya ditetapkan masa sama ada 5 tahun ataupun 10 tahun daripada sekarang tanah-tanah yang dilelong ataupun dipajakkan kepada bangsa lain akan luput. Maka dengan keadaan ini tanah-tanah ini dapat diselesaikan, dapat diambil balik oleh kaum Bumiputera sepertimana yang kita bincangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya bersama-sama menyokong di atas Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), 1967. Sekian, terima kasih.

4.15 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), 1967 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan kepada Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) ini sekali lagi kita bercakap di dalam Dewan ini membahaskan mengenai dengan tanah. Tanah adalah satu-satunya warisan Allah subhanahu wata ala kepada umat manusia. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud: “Bahawasanya bumi ini aku wariskan kepada hamba-hambaku yang baik-baik.” Huraiannya lebih lanjut di dalam beberapa aspek mengapa berlaku penggadaian, kerana ada hamba-hamba Allah di muka bumi ini yang kurang baik, bernafsu besar maka berlakulah penggadaian.

Sekarang ini Kerajaan kita sedar benda yang telah tergadai dan tidak dapat ditebus itu untuk dicarikan jalannya supaya dapat semula ditebus, dapat semula diambil balik, atas orang-orangnya mana-mana tanah yang telah diambil oleh Kerajaan oleh kerana sesuatu sebab mengikut Fasal 5 di dalam usul pindaan ini ialah untuk mengekalkan status Tanah Adat Melaka sepertimana yang telah dinyatakan tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana membawa pindaan ini ke dalam Dewan supaya perkara penggadaian tanah hakmilik Bumiputera sama ada di Melaka, di Pulau Pinang atau di lain-lain negeri tidak akan berpanjangan dan tidak akan menjadi pesaka terus menerus untuk kita membahaskan, menimbang, memikir untuk menyelamatkannya. Undang-undang demi undang-undang, peraturan demi peraturan kita luluskan untuk menjaga kemuslihatan rakyat khususnya kaum Bumiputera yang mempunyai hakmilik sepenuhnya di atas tanah. Namun demikian ada pihak-pihak parti Pembangkang di dalam negara kita ini yang menggunakan isu tanah untuk memancing undi untuk kepentingan parti. Ini berlaku di Melaka sendiri yang sepatutnya mereka sedar bahawa setelah diberikan betis, jangan pula menuntut peha. Mereka mengadakan bahawa isu pindaan ini sebagai isu sensitivity, isu yang menimbulkan perasaan perkauman yang tegang tetapi mereka tidak sedar parti Pembangkang khususnya DAP tidak sedar berapa banyak tanah-tanah milik Bumiputera, Tanah Adat Melaka yang telah digunakan untuk pembangunan, yang telah digunakan untuk membangun sekolah, membina jalan raya, klinik, hospital dan sebagainya yang mana kegunaan pembangunan itu bukan untuk Bumiputera sahaja, dapat dirasai nikmatnya oleh semua kaum yang ada di dalam negeri Melaka, di Pulau Pinang dan di lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menyentuh perasaan kaum-kaum lain di dalam Dewan yang mulia ini tetapi untuk menjaga kestabilan politik Kerajaan kita, ada golongan yang menggunakan isu Bukit China sebagai isu untuk memancing undi. Kalau kita bandingkan bahawa isu Bukit China – Bukit China yang seluas 104 hektar kalau tidak salah saya, kalau dibandingkan dengan tanah hakmilik Bumiputera yang tergadai yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi 360 hektar, lebih banyak tanah milik Bumiputera yang tergadai dan kalau dikirakan pula dengan tanah milik Bumiputera, Tanah Adat Melaka yang telah digunakan untuk projek pembangunan daripada Kesang sampai Nanning, daripada Pantai Melaka sampai di sempadan Nyalas dan Gemas, beratus-ratus hektar, mereka tidak tengokkah ini semua pembangunan yang berlaku. Yang mereka pertahankan Bukit China sedangkan Bukit China itu adalah pemberian Kerajaan Melayu Melaka kerana persahabatan.

Tetapi oleh kerana keadaan memaksa, keadaan memerlukan bahawa Bukit Cina itu boleh dimajukan, maka di dalam saat-saat kita memerlukan kepada projek pembangunan untuk faedah rakyat, Kerajaan tidak berniat untuk mengusik perasaan-perasaan sensitif, kebudayaan, ugama sesuatu kaum tetapi oleh kerana keputusan Kerajaan Negeri misalnya untuk membuat sesuatu projek adalah suara ramai, suara yang diputuskan oleh Wakil-wakil Rakyat dalam negeri Melaka sendiri yang telah memikirkan bahawa telah sampai masanya. Tetapi DAP menggunakan isu itu untuk menaikkan lagi semangat perkauman. Mereka membangkitkan 12,500 buah jirat ataupun kubur lama yang ada di kawasan Bukit Cina itu. Mengapa ini timbul semasa kita mahu menanamkan perasaan perpaduan, semasa kita sedang kempen memperhebatkan lagi perasaan kejiranan. Inilah golongan chauvinist di dalam negara kita yang

menggunakan setiap apa sahaja, isu, setiap apa sahaja yang Kerajaan cuba hendak buat digunakan sebagai modal politiknya. Ini menunjukkan mereka telah kehabisan modal politik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Akta ini tadi, beratus-ratus hektar tanah adat Melaka yang telah tergadai untuk mencari jalan menebusnya maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu badan khusus untuk menebus tanah-tanah bumiputra adat Melaka dan lain-lain supaya dapat ditebus balik. Dua tiga tahun dahulu kita dengar di Pontian, Batu Pahat, Muar, di Kelang dan di lain-lain tempat banyak tanah-tanah milik bumiputra yang telah tergadai dengan adanya gerakan ataupun sendiket wang panas (hot money).

Di Johor daripada kawasan sebelah Renggamnya sendiri, sebelah Keluang, Air Hitam juga berlaku keadaan yang semacam itu menyebabkan banyak tanah-tanah milik bumiputra yang tergadai. Sedangkan kalau mengikut peraturan tanah, Undang-undang Kanun Tanah Negara, tanah itu tidak boleh digadai, tidak boleh ditukar milik, tidak boleh di itu, tidak boleh di ini, tetapi kerana pengaruh wang itu dapat mengatasi segala-galanya dan kerana adanya manusia-manusia yang kurang baik yang telah diwariskan oleh Allah subhanahu wataala kepadanya tanah, mereka tidak dapat menjaga pesaka ini sebagai pesaka yang sebaik-baiknya maka itulah berlaku penggadaian.

Di dalam Akta ini disebutkan Majlis Amanah Rakyat, Majlis Ugama Islam, dalam muka 6, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Islam Melaka, Yayasan Pelajaran Melaka. Saya rasa sebaik-baiknya badan ialah Yayasan Islam Melaka yang akan dapat menjamin penebusan tanah-tanah adat Melaka kerana Yayasan Islam Melaka ini dibentuk untuk meninggikan siar Islam di dalam bidang memajukan harta-benda orang-orang

Islam di Melaka, di dalam memajukan tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu sendiri maka itulah dibentuk Yayasan Islam Melaka untuk diperlihatkan kepada dunia bahawa orang Islam mampu di dalam semua bidang, insya Allah.

Jika sekiranya baru-baru ini di Sarawak akan dilancarkan pula Yayasan Baitulmal di mana anak negeri Sarawak yang beragama Islam diminta mendermakan \$1 gajinya atau \$2 gajinya yang bergaji \$300 sebulan, yang kurang dari \$300 tidak perlu menyumbangkan di dalam Yayasan Baitulmal Islam Sarawaknya yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Partinggi Ketua Menteri, maka ini patut kita contohi untuk menjaga keutuhan dan marwah, untuk menjaga mertabat tanah milik bumiputra ini dapat ditebus. Tabung Haji juga satu-satunya badan yang saya rasa mampu untuk menebus tanah-tanah milik bumiputra yang telah tergadai, bukan sahaja di Melaka dan Pulau Pinang malahan di lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Tanah bagaimana kedudukan tanah-tanah wakaf yang terbiar. Tanah-tanah wakaf yang terbiar ini mengikut pendapat saya termasuk tanah milik bumiputra. Tanah ini juga terbiar begitu kerana tiada suatu kuasa yang dapat memajukannya. Maka ini nanti akan timbul masalah kepada kita bagaimana kalau ada satu badan lain, ada orang lain, ada satu kompany lain yang sanggup memajukan tanah-tanah wakaf Baitulmal yang ada di pekan-pekan besar dalam negara kita ini, maka timbul nanti satu masalah di hadapan kita mengapa tanah-tanah wakaf Baitulmal ini terlepas ke tangan orang lain. Kita tidak prajudis. Saya tidak prajudis di dalam Dewan yang mulia ini di antara kaum bumiputra dengan yang bukan bumiputra. Tetapi kepada saudara-saudara yang bukan bumiputra sedarilah hakikat kesucian dan kemurniaan Kerajaan untuk menyelamatkan tanah-tanah milik bumi-

putra khasnya tanah adat Melaka dan Pulau Pinang ini supaya tidak berlanjutan dan akan menjadi ciri sejarah di masa-masa yang akan datang.

Padalah, cukuplah dengan apa yang berlaku selama ini penggadaian dan pertukaran milik melalui P.A. sewenang-wenangnya di mana akan cucu yang sepatutnya boleh merasai nikmat pesaka daripada tanah datuk neneknya tetapi terlepas begitu sahaja kerana adanya peraturan-peraturan. Apakah peraturan-peraturan melalui tukar nama, tukar milik, tukar kuasa melalu P.A. (Power of Attorney). Kerajaan tidak boleh mencari jalan untuk mengendurkan sedikit supaya tidak berlaku sewenang-wenang. Kita tahu pembinaan rumah yang dimajukan oleh agensi Kerajaan atau swasta yang dikatakan hak bumiputra tidak boleh tukar milik, tidak boleh jual, tidak boleh pindah milik tetapi berlaku melalui P.A. Tidak bolehkah Kerajaan di dalam membentangkan Akta Kanun Tanah Negara memberi penjelasan tidak bolehkah P.A. ini dikendurkan sedikit kedudukannya supaya jangan terus-terusan. Ini menjadi keuntungan kepada segolongan masyarakat dalam negara kita ini yang berniaga di atas surat-surat P.A. Siapa yang menjadi kurban di dalam hal ini. Saya nampak yang menjadi kurban dalam hal ini kebanyakannya ialah kaum kita bumiputra yang terdesak, kaum kita bumiputra yang perlu mahu dapat duit. Maka ini yang Allah suhanahu wataala' peringatkan bahawa bumi ini warisanKu kepada hamba-hambaKu yang baik-baik. Untuk menjadi hamba Allah yang baik-baik, kita menjaga dan alhamdulillah dengan adanya hasrat Kerajaan di dalam membentangkan pindaan Akta ini kita akan termasuk di dalam nisbah orang yang disebut oleh Allah subhanahu wataala' baik-baik tadi kerana untuk menyelamatkan bumi pesaka ini daripada terus rosak dan musnah oleh gejala-gejala hawa nafsu manusia-manusia yang serakah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan

selepas saya tangguhkan mesyuarat ini iaitu jam 5.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini saya tangguhkan setengah jam. Kita sambung semula pada jam 5.00 petang.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.32 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

5.00 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung sedikit lagi di dalam menyokong Akta meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini.

Di waktu membentangkan Akta pindaan ini Yang Berhormat Menteri menyatakan iaitu dicadangkan juga untuk memperuntukkan, membolehkan pemilik-pemilik tanah mencagarkan tanah tersebut kepada badan-badan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya pemilik-pemiliknya bertujuan untuk mendapat pinjaman modal bagi memajukan tanahnya. Cadangan dan peruntukan ini amat saya alu-alukan kerana inilah satu-satunya jalan untuk menyelamatkan tanah-tanah adat Melaka, Pulau Pinang dan tanah-tanah reserve Melayu di tempat-tempat lain daripada tergadai begitu sahaja kepada mereka yang mahu mengaut keuntungan sewenang-wenangnya.

Seperti di tempat-tempat lain bank-bank perniagaan atau badan-badan berkanun atau perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sepatutnya memainkan peranan yang positif di dalam

menentukan supaya tanah-tanah hak milik Bumiputera dan Tanah Adat Melaka dan Pulau Pinang ini tidak akan terlepas begitu sahaja dan dapat dimajukan dengan sebaik-baiknya supaya keuntungan dan pembahagian daripada memajukan tanah-tanah itu dapat dihayati sebenar-benarnya mengikut sebagaimana kehendak Kerajaan kita yang ada sekarang ini.

Kita tidak mahu di dalam satu-satu projek perumahan misalnya kuota untuk Bumiputera tinggal kosong begitu sahaja dengan alasan kononnya Bumiputera tidak mampu untuk memiliki rumah-rumah harga mahal dan rumah-rumah harga sederhana. Apa lagi sekarang ini apabila Kerajaan melaksanakan projek perumahan melalui projek HICOM ataupun pasang siap atau kondominium yang mana nilainya adalah amat tinggi jika sekiranya dibandingkan dengan rumah kos rendah yang dibangunkan oleh PKN-PKN tiap-tiap negeri.

Saya bandingkan misalnya rumah sederhana yang dibina oleh PKNS di Selangor adalah jauh rendah daripada rumah yang dibina secara pasang siap oleh projek HICOM.

Di Kuala Langat, di tempat saya sendiri berlaku pembinaan yang semacam itu dan apabila tawaran-tawaran diberikan kepada mereka banyak di antara kaum Bumiputera yang terpaksa menolak balik kelulusan rumah pasang siap yang dibina oleh projek HICOM atau projek pasang siap di Kuala Langat.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan bahawa projek secara besar-besaran rumah harga mahal dan rumah harga sederhana ini belum sepatutnya dibangunkan sebanyak-banyaknya di pekan-pekan kecil seperti di daerah-daerah di luar bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Ipoh, Kuala Lumpur dan sebagainya kerana kebanyakan daripada mereka yang mendapat tawaran membeli rumah-rumah projek harga sederhana dan harga mahal daripada projek pasang

siap ini ialah dari kakitangan Kerajaan. Bagi mereka yang bekerja suami isteri kemungkinan kemampuan itu ada pada mereka sama ada melalui pinjaman perumahan Kerajaan ataupun melalui bank-bank perniagaan, tetapi bagaimana dengan kakitangan Kerajaan yang berpendapatan di bawah \$1,000 yang bekerja hanya seorang. Maka inilah akibatnya, banyak di antara mereka yang ditawarkan itu memulangkan balik tawaran itu dan ini dikesalkan apabila berlaku satu-satu projek itu kalau dibina di atas tanah yang pada mulanya kepunyaan milik Bumiputera. Kita memberi peluang di atas tanah kepunyaan Bumiputera tadi dibina projek perumahan maka kaum Bumiputera dapat masuk di situ, mempunyai hak yang sama kerana kita tidak mempunyai kerakyatan kelas satu, dua dan tiga. Siapa sahaja yang menjadi rakyat di dalam negara kita ini sama haknya di sisi undang-undang, di sisi hak projek pembangunan dan sebagainya. Cuma apa yang berlaku ialah skandal adanya sindiket yang menjalankan perniagaan di dalam memajukan projek perumahan di atas tanah milik Bumiputera yang dimajukan secara usahasama dengan konsep 30:70 melakukan satu sindiket bayaran di bawah meja. Apabila ada bayaran di bawah meja ini yang akan memakan belanja beribu-ribu jumlahnya selain daripada bayaran yang sepatutnya dibayar melalui loan sama ada kepada loan pinjaman perumahan Kerajaan ataupun bank-bank perniagaan maka bayaran yang dikenakan kepada mereka yang mendapat peruntukan di dalam projek perumahan itu telah melebihi daripada had yang sebenarnya telah ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pembangunan memerlukan tanah, kita tahu pembangunan memerlukan wang, kita tahu pembangunan memerlukan pengorbanan. Maka daripada pengorbanan, daripada wang dan daripada apa sahaja yang diperlukan untuk projek pembangunan ini kebanyakan kaum Bumiputera tidak ketinggalan daripada menjadi korban di

dalam projek-projek pembangunan ini. Satu daripada korban yang telah diberikan oleh kaum Bumiputera ialah mengorbankan tanahnya kepada projek-projek pembangunan sama ada projek yang dibuat oleh pihak Kerajaan, oleh agensi Kerajaan atau projek yang dimajukan bersama dengan pihak swasta. Maka Akta pindaan Tanah Adat Melaka dan Pulau Pinang yang dibentangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk tidak meneruskan lagi pengorbanan yang sewenang-sewenang yang akan diberikan oleh kaum Bumiputera di dalam melaksanakan kehendak dan menghayati projek pembangunan yang dikehendaki oleh negara kita sekarang ini supaya hakmilik orang Melayu tadi akan dapat diteruskan sampai bila-bila.

Saya menyokong penuh di dalam Akta pindaan ini apabila tanah-tanah orang Melayu atau Tanah Adat Melaka dan Pulau Pinang yang diambil oleh Kerajaan di dalam pindaan ini dikatakan yang dirampas oleh Kerajaan kerana sesuatu sebab, kerana tidak membayar cukai hasil tanah misalnya. Sekarang ini Kerajaan patut memikirkan bahawa pevelongan atau perampasan tanah-tanah milik orang Melayu, milik Bumiputera terutama tanah adat atau tanah geran kecil hendaklah ditimbang semula supaya sekiranya pevelongan terpaksa dilakukan maka hendaklah pihak Kerajaan mencari jalan menggunakan agensi-agensinya Kerajaan yang terkawal, yang tertentu untuk dapat menyelamatkan tanah-tanah itu supaya tidak dilelong secara lelong loceng sepertimana yang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah sehingga sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya insya-Allah dengan adanya Akta pindaan yang dibentangkan dan kita sokong untuk diluluskan, untuk menjamin keselamatan tanah milik Bumiputera ini kita akan melakukan satu kebaikan di bumi Allah ini supaya kita tidak akan dicemuh, supaya kita

tidak akan dituduh oleh generasi yang akan datang bahawa pemerintahan di zaman pimpinan Dr. Mahathir ini telah banyak menggadaikan, telah banyak memusnahkan, telah banyak memansuhkan hakmilik Bumiputera kepada bukan Bumiputera.

Kita tahu niat Kerajaan tidak sedemikian, kita tahu niat pemimpin tidak sedemikian, kita tahu dan niat kita juga tidak sedemikian tetapi oleh kerana adanya manusia-manusia yang gelojoh tadi, manusia-manusia yang mahu cepat kaya, mereka tidak segan silu dan mereka tidak malu menjualkan maruahnyanya untuk melaksanakan cita-citanya sehingga sanggup menggadaikan hakmiliknyanya.

Di dalam mereka menggadaikan hakmilik ini, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kadang-kadang berlaku bukan kesalahan tuannya tanah itu. Kadang-kadang berlaku kerana adanya satu sindiket yang bergerak di tanahair kita ini dari satu kampung ke satu kampung memujuk tuan-tuan punya tanah bidang kecil supaya dijual. Mereka tahu mereka punya hubungan dengan Jabatan Perancang, mereka tahu bahawa tanah ini di satu masa dua, tiga tahun akan datang akan berlaku suatu projek besar-besaran. Saya contohkan misalannya seperti yang berlaku di Mukim Sementa di daerah Kelang di mana Pelabuhan Selat Kelang Utara diperbesarkan maka tanah perkampungan di situ akan terlibat dengan lebuh raya daripada Batu 3 sampai ke pelabuhan dalam di Selat Utara Kelang maka dengan sendirinya tanah di situ, tanah paya, tanah tempat pokok mengkuang, pokok nipah hari ini naik harganya melambung kepada \$140,000 setiap ekar. Orang kampung tidak tahu keadaan ini, orang kampung tidak tahu perancangan ini, tetapi mereka yang menjadi broker, mereka yang menjadi lintah darat, mereka tahu keadaan ini maka mereka masuk ke kampung memujuk supaya dijual dengan harga yang lipat ganda daripada pasaran biasa di kampung-kampung dan kalau

mereka tidak mahu diulangi lagi, ditawarkan lagi dengan harga yang lebih tinggi sehingga akhirnya tuannya tanah tadi kebingungan memandangkan longgokan wang yang begitu banyak maka dengan tidak ada perasaan yang lain kalau dijual tanah ini dia akan cuba beli tanah lagi di Pahang dengan harga yang lebih rendah atau pergi berhijrah ke tempat-tempat lain atau meneroka tanah-tanah Kerajaan secara haram, maka inilah berlakunya keadaan yang seperti itu di dalam masyarakat kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan masalah Akta Pindaan Tanah Adat Melaka dan Pulau Pinang ini, sekali lagi saya meminta kepada pihak Kerajaan supaya 360 hektar Tanah Adat Melaka yang telah digadai kepada orang-orang bukan Melayu dan pada hakikat sebenarnya telah tidak dapat ditebus kembali oleh pemegang-pemegang gadaian seolah-olah telah menjadi pemilik tanah yang berkekalan kepada tuan yang telah menerima gadaian itu tadi, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya menyelamatkan melalui tebusa, melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka khasnya ataupun kalau perlu campurtangan daripada agensi Kerajaan Federal untuk menyelamatkannya.

Begitu juga di tempat-tempat lain supaya keadaan yang semacam ini tidak akan berulang lagi. Dan kita berharap apa yang pernah dibuat, satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang dahulunya mengenai dengan tanah-tanah Bumiputera yang tergadai di persisiran Negeri Johor daripada Pontian sampai ke Muar dan melarat-larat sampailah ke sebelah pantai Negeri Sembilan dan Melaka dan Selangor dapat dilihat, dapat dikaji semula supaya apa yang pernah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari yang menjadi harapan kepada masyarakat Bumiputera, masyarakat Melayu bahawa tanah milik datuk nenek mereka akan dipulangkan balik semula

kepada hak miliknya dengan cara apa sekalipun akan dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sekarang ini. Dan saya percaya yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang baharu ini juga tidak kurang azam dan cita-citanya untuk menyelamatkan keadaan-keadaan yang menyedihkan ini yang sentiasa berulang di dalam masyarakat kaum Bumiputera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, demikian ucapan saya di dalam membahaskan Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dan dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

5.13 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Saya rasa Aakta ini sepatutnya telah lama dibuat pindaan, tetapi walau bagaimanapun tidaklah lambat kalau dibawa ke dalam Dewan pada hari ini untuk membuat pindaan sepertimana yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini telah berlarutan dan di mana kita lihat, perkara-perkara yang dibangkitkan di mana-mana sahaja adalah masalah tanah. Tanah adalah amat penting bagi manusia yang hidup di atas muka bumi ini. Jadi tanahlah yang patut kita perkemaskan supaya tidak hilang ke tangan-tangan yang tidak berhak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi, tetapi walau bagaimana-

pun kita luluskan Rang Undang-undang, demi Rang Undang-undang, tetapi pihak-pihak pentadbir mestilah mempunyai semangat untuk menyelamatkan tanah-tanah tersebut bukan sahaja di Negeri Melaka tetapi di negeri-negeri yang lainnya.

Akta boleh kita pinda pada masa-masa mana sahaja tetapi semangat pegawai-pegawai pentadbir adalah mustahak dalam masalah ini. Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua. Dalam menjalankan tugas-tugas Kerajaan, sekiranya Kerajaan untuk membuat sesuatu projek maka pihak perancang akan mengendalikan masalah ini dan pihak perancang akan berkira dengan pihak-pihak pentadbir. Kalau pihak-pihak pentadbir mengesyorkan kepada pihak perancang supaya tanah-tanah hakmilik ataupun tanah-tanah rizab Melayu disyorkan kepada pihak perancang untuk mengadakan satu-satu projek, maka tanah itu boleh ditukarmilik daripada hakmilik Tanah Adat Melaka dipindahkan kepada syarat yang lain dan tanah itu boleh didirikan projek. Kalau begini berlaku dari semasa ke semasa, maka saya rasa walau bagaimanapun pindaan Undang-undang kita buat maka keadaan yang sebegini akan berlarutan. Jadi pihak pentadbir adalah sama penting bagi mengekalkan kedudukan tanah yang kita bentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sepertimana yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi beratus-ratus ekar Tanah Adat Melaka telahpun tergadai. Jadi saya syorkan kepada pihak Kerajaan terutama sekali kepada pihak Bank Pertanian supaya untuk mengambil balik tanah-tanah yang tergadai ini maka syarat-syarat pinjaman daripada pihak Bank Pertanian itu janganlah diketatkan sangat.

Pada masa ini kalau kita hendak buat pinjaman daripada pihak Bank Pertanian, dia akan memakan masa berbulan-bulan dan pinjaman itu hendaklah diberi sepenuhnya, bukan

separuh daripada harga tanah itu tetapi hendaklah diberi sepenuhnya atau 100% supaya dengan keadaan ini maka baharulah kita kaum Bumiputera dapat mengambil balik tanah-tanah yang tergadai sepertimana yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan. Itulah satu perkara yang patut diambil berat oleh pihak Bank Pertanian kerana inilah satu jalan pihak Bank Pertanian yang dapat menolong kaum Bumiputera terutama sekali petani-petani yang boleh dapat menebus kembali tanah-tanah yang telah tergadai.

Walau bagaimanapun, kita ucapkan syabas kepada Bank Pertanian ini kerana banyak telah memberi pinjaman-pinjaman ataupun memberi pertolongan kepada petani-petani di luar bandar untuk membeli dan menebus tanah yang tergadai.

Oleh kerana tanah-tanah ini tergadai, masalahnya ialah masalah kewangan. Oleh kerana masalah kewanganlah yang tanah itu tergadai. Jadi saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan satu "land bank" ataupun kumpulan tanah untuk menjadikan satu projek, dikumpulkan tanah itu dan dibuat satu projek dan dengan keadaan ini saya rasa masalah kewangan tidak akan timbul kerana kita buat dengan secara berkelompok ataupun berkumpul dan ini saya rasa adalah satu syor kepada pihak yang berkenaan supaya perkara ini patut dilaksanakan demi kepentingan petani-petani.

Saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan ataupun pihak Kementerian masalah tanah-tanah hakmilik ataupun Tanah Adat Melaka khasnya yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan projek-projek dan adakah pihak Kementerian atau pihak yang berkenaan akan mengganti balik tanah-tanah yang diambil oleh pihak yang berkenaan? Di sini saya syorkan kepada pihak yang berkenaan supaya tanah-tanah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjalankan projek-projek itu patut diganti semula di tempat-tempat

yang lain bagi memenuhi kuota Tanah Adat Melaka dan juga rizab Melayu di mana-mana negeri ataupun khususnya di Melaka yang kita perbincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sepertimana yang saya sebutkan tadi kalau tanah-tanah ini kita buat pindaan Undang-undang tetapi tanah ini diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjadikan projek, maka saya rasa masalah kita yang timbul pada hari ini tidak akan berhabisan dan akan berterusan dari semasa ke semasa. Saya rasa setakat inilah sahaja dan sebelum saya duduk, saya sekali lagi menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.20 ptg.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd.

Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan untuk menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Adalah di luar dugaan saya bahawa minat Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara lebih istimewa daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan saya ucapkan terima kasih kerana kesedaran Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap masalah tanah, walaupun apa yang kita bincangkan ini hanya sedikit sahaja pindaan daripada masalah tanah di Melaka. Walaupun saya agakya tidak begitu bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak yang mengatakan bahawa pindaan ini kecil, hanya dari segi kalau dibaca dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, "Other amendments are consequential and minor only," iaitu pindaan berbangkit dan tidak begitu penting. Jadi hanya masalah berbangkit daripada pindaan-pindaan.

Pandangan daripada yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap dari segi menekankan masalah tanah yang akan berkurangan dan tanah yang telah diambil oleh Kerajaan diganti dengan nilai yang sama dan sama ada boleh atau tidak tanah itu dilepaskan daripada gadaian selepas 10 tahun. Bahkan banyak juga persoalan yang ditimbulkan yang hampir serupa tetapi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyelesaikan segala masalah yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu hendak mengelakkan daripada berkurangnya Tanah Adat Melaka. Maka itulah sebabnya kita bawa pindaan ini kerana dalam masalah pokok pindaan ini ialah masalah penggadaian tanah ini dibolehkan sebelumnya. Maka itulah sebabnya juga banyak Tanah Adat Melaka ini telah tergadai, terpacak oleh kerana peruntukan undang-undang tidak memperuntukkan dari segi jaminan ataupun terpelihara daripada masalah gadaian. Maka dengan sebab itu semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini tadi, kita ambil kesempatan selain daripada takrif "Melayu" itu ditetapkan lebih "restrictive" dari segi Pihak Berkuasa Negeri tetapi yang penting ialah pindaan untuk meluaskan sekatan kepentingan supaya termasuk penggadaian, pengwujudan lien, pendaftaran caveat, pengwujudan amanah dan perletakan hak menurut pemberian probet dan surat mentadbir pusaka. Selain daripada itu pindaan ini untuk mengekalkan taraf Tanah Adat Melaka yang telah dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya tidak hilang status Tanah Adat Melakanya. Bahkan bukan setakat itu sahaja, kalau dilihat daripada Rang Undang-undang ini iaitu:-

"6 Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 109, seksyen baru 109A yang berikut:-

109A (1) Any proprietor of any alienated land who is a Malay may, with the

consent of every person having a right or interest therein apply to the State Authority to have the title to the land endorsed as a Malacca Customary Land.

Maknanya sekarang ini ialah kalau dahulunya tidak ada peruntukan untuk pemilik-pemilik orang Melayu atau Bumiputera memiliki tanah untuk memohon pada Kerajaan untuk "endorsed" ataupun mentakrifkan tanahnya sebagai Tanah Adat Melaka; maka sekarang peruntukan ini membolehkannya berbuat demikian. Bahkan bukan itu sahaja, pihak Kerajaan Negeri pun dengan adanya peruntukan ini apabila sudah ditakrifkan sebagai Tanah Adat Melaka, maka apabila diambil alih ataupun dipecah belah status itu masih kekal juga.

Tetapi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tanah ini seperti yang panjang lebar telah dibahaskan oleh Tuan Haji Shaharom dan Senator Haji Abdul Razak dan Ahli Yang Berhormat yang lain ialah masalah sikap orang-orang Melayu sendiri, sikap waris hakmilik tanah itu kerana terjadinya masalah penggadaian tanah lebih-lebih lagi di Melaka ini, apabila suatu kajian dibuat oleh Kementerian bersama dengan Kerajaan Negeri ialah orang-orang Melayu bangga dengan hak undang-undang-nya sahaja (legal ownership). Mereka lebih suka pokok kelapa sebatang pun mengikut faraid setelah ini tak mengapa, kerana mereka ada hak, walaupun pokok kelapa sebatang itu dibahagi 8 orang dan tiap-tiap sekali mengambil hasil, setandan untuk satu keluarga mengambilnya tak apa kerana yang penting hak, tetapi dari segi, dengan izin, "in the economic sense" mereka tidak berapa perhatikan sehingga banyak berlaku penggadaian tanah-tanah itu kerana dari segi kepentingan serta merta untuk mendapatkan wang apabila terdesak menyelesaikan masalah tetapi dengan menggadaikan tanah dengan harga yang murah dan oleh

kerana tidak ada penyelesaian penggadaian itu, maka setelah mati turun temurun penggadaian itu masih kekal. Dengan adanya undang-undang untuk menyekat seperti yang telah diperuntukkan untuk meluaskan sekatan kepentingan itu iaitu penggadaian pun sekarang ini tidak boleh dilakukan lagi selain daripada orang Melayu ataupun Bumiputera, maka perkara ini akan berkurangan.

Saya tidaklah berniat untuk mempersoalkan masalah Bukit China kerana ini adalah masalah Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah di negeri itu. Begitu juga dari segi kepentingan untuk menebus tanah-tanah yang telah tergadai. Saya yakin bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun membuat peraturan-peraturannya sendiri menerusi institusi-institusinya sendiri yang mana Rang Undang-undang ini juga ada memperuntukkan supaya institusi-institusi itu dianggap sebagai institusi Bumiputera seperti Jadual Keenam dan Jadual Ketujuh dalam Rang Undang-undang ini untuk membolehkan badan atau institusi Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan bukan sahaja masalah pelepasan gadaian tetapi juga untuk menjaga tanah wakaf dan sebagainya yang dahulunya bertaraf Tanah Adat Melaka.

Saya yakin bahawa pandangan Ahli Yang Berhormat Senator Fadzil mengenai peranan Bank Pertanian juga kita ambilkira kerana kita telah muatkan dalam Jadual Keenam sebahagian daripada institusi Bumiputera yang boleh menerima gadaian Tanah Adat Melaka.

Yang lebih penting ialah dari segi permintaan ataupun cadangan untuk menggantikan tanah yang diambil oleh Kerajaan digantikan dengan tanah yang lain. Memanglah tidak ada peruntukkan dalam undang-undang; bahkan di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah (Land Acquisition Act) kita tidak ada membuat dasar untuk digantikan dengan tanah yang lain kecuali dengan pampasan iaitu, dengan

izin, fair compensation. Kerana ada masalah yang telah dikaji dari segi menggantikan dengan tanah lain, walaupun peruntukan-peruntukan ada tetapi di bawah cara-cara dan peraturan yang tertentu, tetapi selalunya ini mendatangkan masalah manusia, kerana ada yang tidak bersetuju dengan tanah yang hendak diganti dan sebagainya, maka peruntukan undang-undang di bawah Land Acquisition Act telah menyediakan "remedy" ataupun menyediakan kemudahan-kemudahan menerusi Mahkamah untuk mendapatkan pampasan yang sewajarnya dan kalau tidak puas hati dari segi harga pengambilan balik tanah itu, tuan tanah boleh mengemukakan kesnya di Mahkamah untuk mendapatkan pampasan yang wajar untuk membolehkan mereka membeli tanah lain untuk menggantikan tanahnya yang telah diambil oleh Kerajaan untuk muslihat umum ataupun untuk pembangunan-pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan tanah seperti misalnya pandangan Tuan Abdul Razak bahawa ada usaha-usaha untuk orang-orang bumiputera yang tidak ada modal dengan asas usahasama 7:3, 10:2 dan sebagainya, ini apabila diletak syarat tanah itu sebagai Tanah Adat Melaka, maka walaupun setelah dipecahbelah kerana apabila hendak dimajukan, maka syarat itu akan kekal dalam geran maka masalah penjualan kepada orang bukan bumiputera memanglah tidak boleh kerana sekatan hak itu sudah ada dalam geran walaupun geran itu sudah dipecahbelah.

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang serius terhadap Rang Undang-undang yang dibawa oleh saya pada hari ini untuk dipersetujui. Insha Allah, dengan adanya Rang Undang-undang, bukan sahaja Tanah Adat Melaka akan terpelihara dan mungkin boleh dibanyakkan lagi dengan ada peruntukan 109 (a) tadi bahkan diambil oleh Kerajaan pun akan terpelihara. Kalau

misalnya ada yang seperti cadangan kalau hendak mengambil tanah kalau ada tinggal sedikit alang-alang itu biarlah semua diambil, ini memang dari segi Kerajaan Negeri selalu biasanya bila hendak mengambil tanah itu tidak akan membiarkan tanah yang terlalu kecil (uneconomic) didiamkan bahkan diambil sekali dengan pampasan yang wajar. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih terhadap sokong yang telah diberikan kepada Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIUS API PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan Tahun 1953 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah untuk memindahkan kuasa menetapkan kadar dius api kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkapalan perdagangan iaitu Menteri Pengangkutan. Tujuan pindaan ini ialah bagi mempercepatkan proses meminda kadar dius api yang ada memandangkan proses yang diamalkan sekarang memakan masa yang lama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar dius api yang dikutip adalah merupakan bayaran dius oleh kapal-kapal sebagai bayaran menggunakan kemudahan alat bantuan pelayaran di perairan Semenanjung Malaysia. Pemindahan kuasa tersebut adalah sama dengan kuasa di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar Tahun 1952, Akta Lembaga Pelabuhan Tahun 1983 dan lain-lain di mana Menteri mempunyai kuasa menetapkan kadar charge dan dius pelabuhan.

Akta Dius Api Persekutuan Tahun 1953 yang dipakai sekarang adalah dibuat pada tahun itu bagi membolehkan kutipan dius-dius api dikenakan ke atas semua kapal-kapal yang memasuki pelabuhan Semenanjung Malaysia kecuali kapal-kapal tertentu. Misalnya kapal-kapal di bawah berat 15 tahun, kapal-kapal nelayan dan kapal-kapal lain yang diperuntukkan oleh Menteri. Hasil kutipan dius tersebut dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang yang dinamakan dengan izin 'light Dues Fund' di mana sebuah lembaga ditubuhkan untuk mentadbir kumpulan-wang tersebut dan menggunakannya bagi tujuan mewujudkan dan memperbaiki alat-alat bantuan pelayaran di perairan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menerangkan dengan lebih terperinci pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang terlibat.

1. Tambahan perkataan 'Minister' di dalam seksyen 2 bertujuan untuk memberi takrif perkataan Menteri di mana Akta sekarang tidak mempunyai sebarang takrif ke

atas perkataan tersebut. Ini adalah untuk membolehkan Menteri yang bertanggungjawab di dalam perkara-perkara perkapalan perdagangan menentukan dan meminda kadar-kadar dius di perairan Semenanjung Malaysia.

2. Pindaan kepada Seksyen 3 (1) pula adalah bertujuan menjelaskan bahawa peruntukan kadar dius api yang perlu dibayar oleh kapal-kapal ditentukan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pada masa ini kadar tersebut ditetapkan di dalam Jadual Akta itu.
3. Pindaan kepada Seksyen 7 (1) pula adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri. Kuasa ini termasuk juga kuasa-kuasa bagi meminda kadar-kadar berkenaan dari masa ke semasa.
4. Seksyen 10 pula dicadangkan dimansuhkan oleh kerana prosidur sekarang bagi meminda dius api melalui Parlimen memakan masa yang panjang. Sementara itu, Jadual juga dimansuhkan berikutan dari pindaan yang dibuat ke atas Seksyen 3 (1).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan Tahun 1953, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Jaafar bin Harun.

5.39 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin bercakap sepatah dua mengambil

bahagian dalam memberikan pandangan dalam suatu Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Rang Undang-undang Akta Dius Api Persekutuan (Pindaan) 1953 ini memang sudah sepatutnyalah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kerana Rang Undang-undang ini sangat lama sudah diwartakan sejak 1953 dahulu hingga ke hari ini, sudah 31 tahun barulah dibuat pindaan.

Ini barangkali kerana Rang Undang-undang yang asal dahulu tidak mempunyai apa-apa masalah atau kurang masalah ataupun tidak mendapat sebarang kerumitan. Walaupun demikian, oleh sebab telah 31 tahun lamanya undang-undang itu berjalan di negara kita maka tentulah ada perkara-perkaranya yang hendak ditambah atau diperbaiki supaya Rang Undang-undang itu boleh menjadi lengkap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini kalau dahulunya Menteri kita tidak ada mempunyai kuasa yang tertentu tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini maka Menteri kita akan mempunyai kuasa-kuasa tertentu bagi menetapkan melalui peraturan kadar-kadar dius api yang akan dipungut menurut seperti-mana yang akan ditetapkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rang Undang-undang ini saya tidak banyak perkaranya yang akan ditimbulkan, cuma yang terutama sekali ialah mengenai tajuk Rang Undang-undang ini. Tajuk Rang Undang-undang ini ialah Akta Dius Api Persekutuan 1953. Pada awalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham langsung akan tajuk dan tujuan Rang Undang-undang ini dan oleh itu saya bertanya kepada jabatan-jabatan seperti Jabatan Bomba sebab ia mengenai api, mereka pun tidak faham, kemudian saya berhubung pula dengan Jabatan LLN, jabatan ini juga tidak

mengerti; saya cuba menghubungi Jabatan Perdagangan dan Perindustrian, mereka juga tidak faham. Jadi, tajuk Rang Undang-undang ini pada pendapat saya adalah mengelirukan saya sama sekali. Oleh itu, saya mengesyorkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya tajuk Rang Undang-undang ini ditukar dan disesuaikan dengan tujuan-tujuan dan kandungan-kandungannya. Saya suka mengesyorkan tajuk ini kalau dipersetujui Rang Undang-undang ini ditukar kepada nama "Rang Undang-undang Alat-alat Bantuan Pelayaran Laut" umpamanya. Saya percaya kalau ditukar daripada nama yang saya sebutkan tadi tentulah rakan-rakan saya dalam Dewan ini faham termasuklah saya seorang daripadanya. Sebab pun saya mencadangkan meminda nama tajuk Akta ini ialah kandungan isinya mengenai masalah-masalah di laut, umpamanya kapal-kapal yang masuk ke perairan kita dia kena cukai api yang mana tujuannya untuk keselamatan pelayaran kapal-kapal. Cuma barangkali ada dikecualikan daripada pembayaran dius api ini ialah kapal-kapal yang kurang daripada 15 tan beratnya ataupun kapal-kapal lain, kapal Kerajaan atau kapal perang atau kapal-kapal nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhirinya, saya suka membuat perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan manakala Rang Undang-undang ini diluluskan kelak supaya beliau mengkaji bayaran dius api kepada kapal-kapal tersebut dengan seberapa segera. Kerana Undang-undang Dius Api Persekutuan, 1953 ini telah dibuat dan diamalkan beberapa tahun lamanya masuk 31 tahun dengan hanya kadar bayaran 10 sen sahaja bagi tiap-tiap satu tan kapal beratnya. Jadi, kalau kita renungkan Kerajaan kita tentulah akan mendapat keuntungan, mendapat kewangan daripada kapal-kapal yang belayar di laut 10 sen bagi satu tan sehingga tahun 1984 ini semenjak daripada tahun 1953 dahulu. Berapa banyakkah kita rugi

yang patut kita dapat kutip jika kita menaikkan kadar bayarannya, dan berapa kerugian kita pula selama 31 tahun ini? Pada halnya, Tuan Yang di-Pertua, bayaran cukai tanah kepada rakyat, cukai air kepada rakyat, cukai api juga kepada rakyat dan sebagainya semuanya telah dinaikkan daripada asalnya dahulu. Jadi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kenapa saudagar-saudagar yang kaya berniaga dengan kapal-kapal hanya dikenakan 10 sen sahaja pada satu tan dius apinya. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya mengkaji semula bayaran Dius Api kapal-kapal itu dinaikkan mengikut keadaan ekonomi dan kos perbelanjaan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja satu dua perkara yang dapat saya berikan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

5.46 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan mengenai pindaan Akta Dius Api Persekutuan 1953. Walaupun bahan-bahan ini tidak dapat hendak kita perbahaskan secara meluas kerana Rang Undang-undang ini tidak sampai ke tangan Ahli-ahli Dewan terlebih dahulu untuk membuat kajian dan penyelidikan yang sepenuhnya yang mana Rang Undang-undang ini hanya setakat bila sampai ke Dewan ini kita baharu mengetahui yang Rang Undang-undang ini telahpun disediakan di atas meja masing-masing, jadi kita terpaksa untuk mendapatkan serba sedikit bahan-bahan ini melalui pembentangan Rang Undang-undang ini daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta kepada Dewan supaya Rang Undang-undang yang akan

dibentangkan ke dalam Dewan ini hendaklah sampai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekurang-kurangnya dua minggu terlebih dahulu, ini pernah disarankan dalam Dewan ini berkali-kali tetapi nampaknya tidak diindahkan. Jadi, dengan itulah saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, sebarang Rang Undang-undang yang akan dibawa ke Dewan ini akan menerima kelemahan daripada segi undang-undang yang akan kita luluskan itu nanti, kerana undang-undang ini adalah sebagai satu panduan negara kita dan juga dengan kuatkuasa undang-undang itu juga Kerajaan mendapatkan hasil-hasil daripada Rang Undang-undang dijadikan kuasa undang-undang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin memberikan sedikit pandangan mengenai kapal-kapal yang seberat 15 tan yang dikenakan bayaran dius api (Federal light dues), ini memanglah kena pada tempatnya di mana juga pelabuhan-pelabuhan di negara kita terutama sekali Malaysia telah banyak membuka pelabuhan, kalau dahulu kita hanya mempunyai Pelabuhan Pulau Pinang dan Johor tetapi hari ini sekurang-kurangnya di Semenanjung Malaysia kita mempunyai 4-5 pelabuhan yang baharu dibuka dan termasuk Sabah dan Sarawak juga sekurang-kurangnya mempunyai 5 pelabuhan-pelabuhan yang bertaraf antarabangsa. Dan ini sudah tentu di tiap-tiap pelabuhan ini akan menggunakan Rumah Api (Light House) sebagai salah satu daripada Navigation Aid iaitu bantuan kepada kapal-kapal yang hendak masuk ke suatu pelabuhan. Jadi, kapal-kapal yang seberat 15 tan kalaulah benar yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi hanya dikenakan 10 sen iaitu Light Dues, ini amatlah murah sekali. Kerana untuk penyelenggaraan sebuah Rumah Api amat mahal walaupun ada setengah-setengah Rumah Api yang diletakkan di pulau-pulau yang mana sebagai panduan kepada malim (pilot) yang membawa masuk kapal-kapal ini,

penyelenggaraannya (maintenance) sahaja termasuk seorang atau dua orang pekerja dalam sebuah pulau untuk menjaga Rumah Api ini kita kira daripada kos dan apa lagi daripada segi alat-alat kelengkapan bateri dan sebagainya ini memerlukan satu jenis bateri yang menggunakan charge melalui mata hari dan sebagainya.

Saya berpendapat kapal-kapal zaman sekatan ini yang masuk ke pelabuhan-pelabuhan kita di Malaysia tidaklah sekadar seberat 15 tan sahaja; 15 tan ini saya fikir sangat kecil, jarang-jarang ini pun mungkin hanya kapal tongkang sahaja yang boleh mengangkut barang-barang kecil kepada kapal-kapal yang berlabuh tetapi hari ini mungkin sudah tidak terdapat lagi di Malaysia ini, kerana kita telahpun membawa kapal-kapal kontena yang boleh membawa barang sehingga 100,000 tan. Kalau kita bawa masuk kapal 6,000 tan sekarang sudah kecil, 10,000 tan juga kecil. Jadi sekarang ini anggaran saya sekurang-kurangnya kapal yang masuk di mana-mana pelabuhan kita ialah tidak kurang daripada 50,000 tan dan kapal yang pernah masuk ke dalam Malaysia ini pun pada masa sekarang sekurang-kurangnya sehingga 150,000 tan. Ini kalau kita boleh buat satu kajian mengangkut LNG daripada Terengganu misalnya, daripada Bintulu sekurang-kurangnya kapal itu mesti mengangkut sehingga 250,000 tan gas cecair asli yang dibawa ke luar negeri iaitu ke Amerika dan ke Jepun.

Saya fikir kalaulah hanya 10 sen, ini saya fikir tidaklah begitu memdatangkan hasil kepada Kerajaan, kerana kapal-kapal ini terpaksa mesti masuk ke pelabuhan-pelabuhan negara kita dan ini juga sepertimana Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar yang telah diluluskan kelmarin yang membolehkan hanya kapal-kapal di negara ini yang berdaftar di dalam Malaysia dan pekerja-pekerja kapal itu mestilah daripada orang-orang Malaysia, sudah tentu saya fikir Kerajaan haruslah menimbangkan kerana perkapalan ini dipunyai oleh

negara ini sendiri dan mereka membayar lebih mahal sedikit kepada dius api sendiri pun wang ini tidak lari ke mana, lari balik kepada negara kita juga di Malaysia.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Rang Undang-undang ini juga untuk memberikan kuasa kepada Menteri sepertimana Rang Undang-undang ini sebelum diluluskan tidak ada menyebutkan kuasa Menteri bagi menentukan tarif yang akan dikenakan. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri bilamana Rang Undang-undang ini diluluskan dan menjadi sebahagian daripada undang-undang, maka tarif yang dikenakan haruslah bersepadan dengan keadaan perbelanjaan pelabuhan yang kita buat yang menelan berjuta-juta billion, bukan million; berjuta-juta billion yang kalau kita ambil kumpul semua perbelanjaan Kerajaan membuat pelabuhan-pelabuhan kita di seluruh Malaysia pada hari ini kalau kita ambil kira sahaja satu dalam ingatan saya, jambatan yang dibuat di Bintulu misalnya untuk kemudahan bagi LNG, ini juga menelan belanja beratus-ratus juta dan termasuk di Labuan kalau tidak silap saya buat satu jambatan yang berharga \$380 juta untuk "high bricketted iron" (HBI) yang dibawa dari Brazil; itu satu jambatan sahaja.

Dalam Rang Undang-undang ini memang kena pada tempatnya yang saya menyokong iaitu Kerajaan mengambil perhatian dari awal bagi mengenakan dius api ini, walaupun pada traditionnya, secara yang lalu kita hanya menempatkan rumah-rumah api ini di antara pulau-pulau itu di dalam kawasan perairan kita sebagai satu petanda atau petunjuk kepada malim bagi membolehkan malim ini membawa kapal masuk ke pelabuhan tetapi dengan adanya lebih pertambahan bantuan api ini, navigation aid yang diberikan oleh Kerajaan, saya percaya bukan sahaja hasil di sebaliknya tetapi ianya juga akan memudahkan kapal-kapal yang seberat antara 100,000 dan 150,000 tan atau ke atas daripadanya

akan dapat menilai kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam pelabuhan-pelabuhan kita di seluruh Malaysia.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini tidak menjelaskan berapa lama kapal itu berada dalam pelabuhan, adakah kapal yang masuk ke pelabuhan ini hanya dikenakan dius api ini hanya sehari sahaja, kerana setiap kapal yang seberat 150,000 tan kalau untuk memunggah "high bricketted iron" atau masukkan gas cecair ke dalam kapal sekurang-kurangnya mengambil masa 3 minggu yang menggunakan pelabuhan dan ini sudah tentu menggunakan navigation aid daripada tiap-tiap satu pelabuhan itu mengambil masa. Kalau bayaran ini hanya dibayar atau dikenakan sekali gus sahaja kapal itu masuk, jadi kita kekurangan daripada hasil dius ini tadi tetapi dalam Rang Undang-undang ini tidak menyatakan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bilamana kuasa Menteri telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini, saya ingin mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menentukan had masa sekiranya kapal itu akan berada dalam pelabuhan itu dalam masa 3 minggu maka dalam masa 3 minggu itu dius itu mesti dibayar dengan kadar tarif yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga dalam Rang Undang-undang ini tidak jelas menyatakan adakah kapal Angkatan Tentera Laut kita dikenakan light dues ini dan adakah juga kapal tentera asing misalnya yang mengadakan lawatan muhibah, ini biasanya berlaku diadakan oleh Angkatan Tentera Laut Indonesia, Thailand, Filipina dan sebagainya, adakah kapal-kapal Angkatan Bersenjata, kapal-kapal perang ini dikenakan dan tertakluk di dalam Rang Undang-undang ini ataupun dikecualikan. Ini juga tidak jelas dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin juga memberikan sedikit

pandangan iaitu kapal saudagar, adakah perbezaannya tarif antara kapal-kapal saudagar tempatan yang berdaftar di Malaysia dengan kapal yang bukan didaftar di Malaysia, kapal yang didaftar di luar negeri di Panama misalnya, kebanyakan kapal-kapal yang berdaftar di Panama ataupun di Bermuda kerana di antara dua pelabuhan ini adalah yang bebas daripada cukai, jadi itu yang mendorong kapal-kapal kita di sini mendaftarkan di Bermuda kerana ia adalah sebuah pelabuhan yang bebas daripada segala cukai. Jadi saya minta kepada Kementerian yang berkenaan kapal-kapal saudagar asing yang masuk ke pelabuhan ini hendaklah dibezakan cara tarif pembayaran yang dikenakan dengan kapal yang didaftarkan di dalam Malaysia ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja pendapat saya secara ringkas dalam Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan, 1953 dan saya harap kepada Menteri yang berkenaan akan dapat mengambil sedikit sebanyak apa yang telah saya sarankan tadi atas pengalaman-pengalaman yang saya perolehi, mungkin saya tinggal di sebuah pelabuhan bebas dan yang di kelilingi oleh beberapa pulau-pulau yang mempunyai rumah api, mungkinlah sekadar itu yang dapat saya sarankan kepada Dewan yang mulia ini dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.59 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Jaafar Harun dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar yang telah memberikan teguran atas Rang Undang-undang ini dan atas sokongan mereka kepada Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Jaafar Harun tentang nama Akta ini

dan perkara ini telah dibincangkan dengan mendalam juga di Kabinet oleh kerana Kabinet juga berpendapat bahawa ada barangkali perkataan "Light Dues" ini tidak memberi satu erti yang tepat. Perkara ini sudah dibincangkan dengan mendalam sama ada perundingan dengan Jabatan Peguam Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya.

Tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ini iaitu Akta yang asal itu digubal dalam tahun 1953 dan dinamakan "Federation Light Dues Act". "Light Dues" ini adalah satu perkataan digunakan khasnya dalam bidang perkapalan antarabangsa. Di mana-mana negara pun saya difahamkan mereka faham maksud "Light Dues" dan apabila Akta diterjemahkan pada waktu itu, Dius Api digunakan dan malangnya perkara ini sudah dimaktubkan dalam Perlembagaan juga. Oleh kerana dalam Perlembagaan, dalam Butiran 9 (e), Senarai 1 iaitu Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan, perkataan "Light Dues" digunakan dan jika kita menukar perkataan sekali kita harus kena tukar Perlembagaan juga. Ini sudah jadi satu masalah. Tetapi saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Senator itu apabila kita membuat satu Akta yang baru, cadangan tersebut boleh diambil kira. Jabatan Peguam Negara pun memberi pandangan sekarang ini jika hendak tukar susah hendak ditukarkan oleh kerana berkaitan dengan Perlembagaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pun sudah memberi pandangan tentang hal ini dan saya harap bahawa dengan penjelasan ini kami boleh mengambil ingatan sahaja. Saya sendiri dan Kementerian Pengangkutan telah mengambil ingatan tentang hal ini dan Jemaah Menteri pun sudah tahu tentang hal ini.

Tentang teguran Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din iaitu tentang bayaran yang harus dikaji semula, saya bersetuju dan tujuan Rang Undang-undang yang dikemukakan

dalam Dewan yang mulia ini ialah supaya charge atau dius api ini boleh dikaji semula dengan lebih flexible lagi. Saya pun bersetuju sangat bahawa frankly charge yang ada sekarang ini adalah rendah dan boleh dinaikkan setaraf dengan kemajuan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada dan kelengkapan-kelengkapan yang diwujudkan oleh Lembaga ini.

Ada juga satu perkara tentang sama ada kapal-kapal tentera laut asing dikecualikan. Sebenarnya dalam Akta yang asal "Foreign Warships" adalah exempted. Perkara ini juga kita akan mengkaji dan tidak ada perbezaan di antara kapal-kapal yang didaftar di Malaysia dan didaftar di negara-negara lain. Tetapi dengan adanya pindaan seperti ini bolehlah kita membuat satu kajian yang mendalam supaya dius ini boleh dikaji semula dan selaras dengan perkembangan pelabuhan-pelabuhan sekarang ini.

Saya juga mengambil ingatan tentang pertanyaan sama ada charge ini dikenakan sekali sahaja atau dikenakan tiap-tiap hari kapal-kapal berada di dalam pelabuhan kita ini. Dalam Akta yang asal charge ini dikenakan "on first entry" ataupun apabila kapal itu masuk dalam pelabuhan negara kita.

Saya tidak ada lain-lain hendak dijawab pada masa ini melainkan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan tentang charge dan bayaran yang harus dikenakan saya akan kaji dengan telitinya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperurusikan Jawatankuasa*)

6.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Pengerusi, setelah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyetujui dan mendapat penjelasan sedikit.

Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi perkataan "Akta Dius Api" daripada Inggerisnya ejaannya "Dues". Oleh kerana di dalam Perlembagaan pun sudah termaktub "Dues" dan melibatkan pertukaran kalau kita hendak terjemahkan pula ke perkataan lain melibatkan pindaan kepada Perlembagaan. Tetapi Tuan Pengerusi, Perlembagaan ini pun 'man-made'. Kita boleh pinda. Apa yang disuarakan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Dewan Negara yang telah terdahulu tadi, seolah-olah Bahasa Malaysia, bahasa rasmi negara kita ini kepunyaan Dewan Bahasa sahaja. Dia adalah kepunyaan seluruh rakyat Malaysia dan juga bahasa ini dipakai hampir-hampir 200 juta umat di rantau ASEAN ini. Apakah kerana kita hendak mengekalkan "Dues" itu hingga terpaksa mengelirukan "Dius". Kalau silap cetak jadi "Bius" pula.

Tuan Pengerusi, pengertian daripadanya ialah sejenis cukai atau bayaran. Senang difaham, mudah dipakai, enak didengar. Sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar dari Sabah, berapa hari kah deraf pengubahan undang-undang ini kita serahkan kepada Legal Draftsman sehingga kita tidak dapat memikirkan maksud daripada perkataan Akta itu. Kita bimbang kelak kepada anggapan Penggubal-penggubal Undang-undang kita akan seolah-olah berkata, "apa

bahasa pun, macam mana bentuk pun kita bubuh dalam cetak ini, mesti lulus juga." Kalau begini gayanya hasrat yang murni untuk kita mendaulat dan menstandardkan Bahasa Kebangsaan ini Bahasa Malaysia ini, akan bertambah lemah dan bertambah kurang mutunya. Sedikit lagi kita akan jumpa, kalau kita semuanya teliti, sehari dua lagi, kita akan jumpa pula satu naskah sahah Bahasa Malaysia Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan.

Sebagai contoh lagi, sedikit sahaja. Saya bacakan dalam bahasa Inggeris, sayapun bukan ahli bahasa Inggeris yang qualified seperti Shakespeare atau ahli-ahli undang-undang. Bil dalam bahasa Inggeris dalam bentuk asalnya, "that he is a person qualified to be the owner to a legal or beneficial interest in an aircraft registered in Malaysia". Dalam bahasa Malaysia yang naskah sahah ini langsung kita tidak faham apa yang dia kata, "bahawa dia adalah orang yang layak menjadi empunya bagi kepentingan undang-undang atau benefisial pesawat udara" - "atau benefisial pesawat udara". Inilah kejanggalan-janggalan di dalam usaha kita mendaulatkan dan penggunaan yang tepat. Lepas itu kita juga kutuk itulah bahasa Malaysia tidak standard. Kita hendak lahirkan itu, bukan perubahan daripada satu kata kepada satu kata lain, tetapi ialah perubahan maksud yang terkandung dan tersirat sekali dalam undang-undang itu sendiri. Inilah yang kita minta penjelasan daripada pihak Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya terangkan tadi teguran-teguran seperti ini telah dikemukakan juga kepada pihak-pihak berkenaan iaitu Jabatan Peguam Negara. Jabatan itu telah memberi penjelasan bahawa dengan izin, saya akan membacakan sedikit sahaja penjelasan dan tulisan yang diberi kepada saya oleh Jabatan

Peguam Negara apabila masalah ini dibangkitkan dahulu.

Dia katakan "Dius merupakan satu jenis bayaran yang dikenakan kepada kapal-kapal kerana khidmat-khidmat yang tertentu yang telah diberikan kepada kapal-kapal tersebut oleh pihak pelabuhan. Light Dues ialah bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa tertentu di Malaysia iaitu Light Dues Board ke atas kapal-kapal yang masuk ke pelabuhan yang merupakan bayaran bagi khidmat bantuan navigasi (navigation aids) yang telah diberikan kepada kapal-kapal tersebut. Dan parities dues pula merupakan bayaran yang dikenakan kepada kapal-kapal yang telah diberi khidmat permaliman ketika memasuki pelabuhan. Jelas dues ialah sejenis bayaran yang dikenakan bagi maksud tertentu dan khusus digunakan dalam bidang bayaran. Digunakan istilah dues atau d-i-u-s ini dibuat setelah ditimbang faktor diatas walaupun dius merupakan satu jenis bayaran namun adalah lebih sesuai sekiranya istilah dius digunakan daripada digunakan istilah bayaran. Ini adalah kerana perkataan bayaran adalah terlalu umum yang biasa dipakai bagi perkataan payment, juga sebagaimana yang sedia maklum kata-kata pinjaman telah juga digunakan bagi merujuk kepada lain-lain jenis bayaran dan kata-kata pinjaman ini nampaknya telahpun diterima umum. Misalnya "ses" bagi "cess", tol bagi "toll" dan eksais bagi "excise".

Mengenai ejaan pula, ejaan yang telah digunakan ialah dius dan tidak pula dues. Ini adalah kerana untuk mengekalkan bunyi sebutan Melayunya supaya sama dengan bunyi seperti Ingeris. Ini saya sengaja membaca oleh kerana ini nasihat yang saya dapat dalam bentuk tulisan dari Jabatan Peguam Negara. Apabila perkara ini dibangkitkan bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya kemukakan Rang Undang-undang ini dalam Kabinet.

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:- dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN 1984

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk:-

1. membolehkan Malaysia mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan yang mengancam keselamatan pesawat-pesawat semasa dalam penerbangan dan juga keselamatan penerbangan awam amnya.
2. membolehkan Malaysia mengiktiraf dan menjadi pihak berjanji kepada ketiga-tiga konvensyen-konvensyen oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa yang dikenali sebagai:
 - (a) Convention on Offences and Certain other Acts Committed on Board Aircraft, Tokyo.
 - (b) Convention for the Suppression of Unlawful Seizure of Aircraft, The Hague.
 - (c) Convention for the Suppression of Unlawful Acts against the Safety of Civil Aviation, Montreal.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa industri penerbangan awam telah dan masih mengalami zaman kekacauan dimana keselamatan penerbangan awam diancam dan diganggu oleh berbagai-bagai kumpulan tertentu untuk mencapai matlamat-matlamat mereka.

Baru-baru ini beberapa perampasan kapalterbang telah berlaku di negara lain. Sekali lagi ianya memperlihatkan bagaimana pergolakan sosio-ekonomi dan politik boleh mendatangkan ancaman bahaya dan maut kepada penumpang-penumpang pesawat awam.

Dalam hal ini seperti syarikat-syarikat penerbangan negara-negara lain syarikat penerbangan kita juga mungkin menghadapi ancaman-ancaman yang tidak diingini lebih-lebih lagi memandangkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mempunyai rangkaian perkhidmatan yang luas.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau dengan ringkasnya ICAO (International Civil Aviation Organization) telahpun mengadakan tiga konvensyen berasingan untuk mencegah kejadian perampasan dan lain-lain kesalahan yang mengancam keselamatan penerbangan awam. Konvensyen-konvensyen tersebut telah mencapai persetujuan tentang langkah-langkah yang harus diambil untuk mencegah kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti ini.

Dalam pada itu pihak yang berkenaan di negara masing-masing akan diberi kuasa untuk menahan pesalah-pesalah serta juga meletakkan hukuman yang berat kepada penjenayah-penjenayah yang terlibat. Di samping itu ia juga membolehkan pihak berkuasa Malaysia untuk bekerjasama dan mendapat kerjasama serta bantuan daripada negara-negara ahli berjanji untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku ke atas pesawat-pesawat Malaysia semasa di dalam penerbangan keluar negeri.

Sebelum Malaysia dapat mengiktiraf dan menjadi ahli berjanji kepada konvensyen-konvensyen ini Malaysia perlu mengadakan satu undang-undang kesalahan-kesalahan penerbangan awam negara sebagai langkah untuk mencegah kejadian-kejadian perampasan pesawat dan lain-lain jenis kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 akan merangkumi ketiga-tiga Konvensyen berkenaan iaitu Konvensyen Tokyo, Konvensyen Hague dan Konvensyen Montreal. Peruntukan untuk menguatkuasakan Konvensyen-konvensyen tersebut dalam Rang Undang-undang ini diadakan mengikut bahagian-bahagian tertentu.

Bahagian II Fasal 3, 4, 5 dan 6 Rang Undang-undang ini adalah untuk menguatkuasakan Konvensyen Tokyo mengenai kesalahan-kesalahan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang dilakukan dalam kapalterbang.

Fasal 5 dan 6 menyatakan langkah-langkah serta prosedur-prosedur yang boleh diambil oleh seorang kaptein pesawat, dengan izin, aircraft commander ke atas mana-mana orang yang dipercayai melakukan perbuatan-perbuatan yang mengancam atau membahayakan keselamatan penumpang-penumpang atau harta benda. Kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai pemerintah pesawat itu termasuklah untuk menahan, menurunkan dan menyerahkan orang melakukan kesalahan tersebut kepada pihak yang berkuasa yang berkenaan.

Fasal 5, (6)(b) mengandungi perbekalan bahawa sekiranya pegawai pemerintah pesawat itu tanpa sebab-sebab yang menasabah gagal memenuhi kehendak-kehendak dan langkah-langkah yang ditetapkan itu, maka ianya adalah melakukan satu kesalahan di bawah Rang Undang-undang tersebut dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih \$1,000.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III, Fasal 7 dan 8 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih spesifik tindakan-tindakan positif yang dikehendaki diambil oleh negara-negara yang menjadi pihak berjanji dalam sesuatu kejadian rampasan atau keganasan ke atas pesawat.

Bahagian III Rang Undang-undang ini yang telah digubalkan untuk menguatkuasakan Convention the Hague, ianya mempunyai perbekalan-perbekalan yang membolehkan Malaysia mengambil tindakan perundangan ke atas seseorang yang telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti menggunakan kekerasan atau ugutan dari apa juga jenis semasa berada dalam penerbangan dan perbuatan-perbuatan berkaitan dengan perampasan kapalterbang. Orang yang melakukan mana-mana kesalahan tersebut boleh dihukum di bawah undang-undang yang berkenaan, yang berkuatkuasa di Malaysia tidak kira di mana perbuatan ini dilakukan, di negara mana pesawat tersebut didaftarkan dan walau apapun kerakyatan atau kewarganegaraan pesalah itu. Berhubung dengan kesalahan-kesalahan tersebut penalti yang boleh dikenakan ke atas seseorang apabila disabitkan ialah penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV, Fasal 9 dan 10 Rang Undang-undang ini membolehkan Malaysia mengambil tindakan perundangan ke atas orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan kekerasan ke atas penerbangan awam seperti pemusnahan pesawat, sabotaj dan serangan-serangan ke atas lapangan terbang yang mengakibatkan kecederaan atau kematian orang-orang awam dan kakitangan yang berada di tempat itu. Perbekalan-perbekalan ini adalah selaras dengan kehendak-kehendak dalam Konvensyen Montreal. Peruntukan juga dibuat bagi pembelaan-pembelaan tertentu yang akan ditimbulkan oleh seseorang yang dituduh melakukan perbuatan-perbuatan yang menjadi kesalahan-

kesalahan. Penalti ke atas orang yang melakukan kesalahan di bawah Bahagian IV Rang Undang-undang ini apabila disabitkan ialah ianya boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Penerbangan Awam Malaysia mempunyai peraturan-peraturan keselamatannya sendiri untuk menjamin keselamatan pesawat-pesawat dan penumpang-penumpang yang menggunakan lapanganterbang-lapanganterbang di Malaysia. Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan undang-undang yang akan membolehkan Malaysia bertindak balas terhadap penjenayah-penjenayah yang mengancam keselamatan traffic udara selaras dengan persetujuan-persetujuan antarabangsa.

Adalah ketara sekali bahawa langkah-langkah seperti ini amatlah diperlukan bukan sahaja bagi keperluan dalam negeri tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menguatkuasakan Konvensyen mengenai Kesalahan-kesalahan dan Tindakan-tindakan lain Tertentu yang Dilakukan Dalam Pesawat Udara yang ditandatangani di Tokyo pada 14hb September 1963, Konvensyen mengenai Penindasan Penyitaan Pesawat Udara dengan Menyalahi Undang-undang yang ditandatangani di Hague pada 16hb Disember 1970, dan Konvensyen mengenai Penindasan Tindakan-tindakan dengan Menyalahi Undang-undang terhadap Keselamatan Penerbangan Awam, yang di-

tandatanganinya di Montreal pada 23hb September 1971, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.27 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom:

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong di atas pembentang Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah kena pada masa dan ketikanya yang kita, negara Malaysia ini sendiri mempunyai satu undang-undang bagi melindungi keselamatan sama ada penerbangan, penumpang-penumpang ataupun harta benda, syarikat-syarikat penerbangan kita sendiri, terutama sekali apa yang baru sebentar dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bukan sahaja untuk kepentingan negara kita, tetapi juga atas kehendak-kehendak Konvensyen Penerbangan Antarabangsa yang diadakan di Tokyo, di Hague, dan Montreal. Apa yang dibuat dan apa yang dikehendaki terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan ini semata-mata untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang, menjamin keselamatan nyawa manusia, harta benda orang ramai yang mungkin terlibat dengan kesalahan penerbangan untuk menyelamatkan manusia yang tidak berdosa, yang akan turut terkorban apabila berlaku satu-satu kesalahan di dalam bidang penerbangan di udara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita tidak mempunyai undang-undang yang dapat mengambil tindakan tegas kepada mana-mana orang atau kepada mana-mana pihak, atau kepada mana-mana kumpulan dan sedikit yang menjalankan perbuatan-perbuatan jenayah, merampas kapalterbang ataupun untuk merosakkan kapalterbang sama ada dengan cara rancangan secara besar-besaran atau sabotaj sama ada kegunaan itu kerana isu-isu politik ataupun isu-isu ketenteraan ataupun semata-mata memang keghairahan untuk menjadi jaguh perampas pesawat udara. Apa yang kita dapati hanya undang-undang biasa untuk mengambil tindakan terhadap penjenayah-penjenayah ataupun pesalah-pesalah di dalam sesuatu tindakan yang sedia ada di dalam undang-undang yang kita gunakan selama ini sebelum kita membentangkan Rang Undang-undang Kesalahan Penerbangan 1984.

Di akhir-akhir ini dalam zaman kepesatan majunya sains dan teknologi merupakan perkara-perkara yang agak luar biasa bukan lagi merupakan perkara yang luar biasa berlakunya kemalangan-kemalangan penerbangan, rampasan-rampasan pesawat-pesawat udara yang sedang menjalankan khidmatnya untuk masyarakat manusia di seluruh destinasi penerbangan baik di dalam negara kita ini ataupun di negara-negara lain. .

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 1.8.1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.